



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## Akta 814

### AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

*Sebagaimana pada 5 Oktober 2024*

*Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.*

**AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja	... ..	15 November 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	... ..	29 November 2019
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 285/2024 yang mula berkuat kuasa pada	... ..	5 Oktober 2024

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 814****AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

## Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION GUAMAN SYARIE**

3. Penubuhan Lembaga
4. Fungsi Lembaga
5. Kuasa Lembaga
6. Keanggotaan Lembaga
7. Setiausaha Lembaga
8. Elaun
9. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie, dsb.
10. Kuasa untuk mengecualikan

BAHAGIAN III  
PENERIMAAN MASUK PEGUAM SYARIE

Seksyen

11. Orang berkelayakan
12. Syarat bagi penerimaan masuk
13. Tempoh pelatihan
14. Pengecualian daripada pelatihan
15. Permohonan bagi penerimaan masuk
16. Memfailkan salinan permohonan
17. Penyampaian salinan permohonan
18. Siasatan ke atas perilaku pemohon
19. Bantahan permohonan oleh Ketua Pendakwa Syarie atau Majlis Peguam Syarie
20. Bantahan permohonan oleh orang lain
21. Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie
22. Hak merayu
23. Pengeluaran Perakuan Peguam Syarie

*Daftar*

24. Daftar Peguam Syarie
25. Pengeluaran nama Peguam Syarie daripada Daftar
26. Peguam Syarie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar
27. Pemasukan semula nama Peguam Syarie dalam Daftar

BAHAGIAN IV  
PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

28. Pengesahan Sokongan
29. Pengeluaran Perakuan Amalan Tahunan
30. Kehilangan kelayakan daripada mendapatkan Perakuan Amalan Tahunan

Seksyen

31. Daftar Pengamal
32. Pengemukaan Perakuan Amalan Tahunan

BAHAGIAN V

HAK DAN KEISTIMEWAAN PEGUAM SYARIE

33. Hak dan keistimewaan Peguam Syarie
34. Nama Peguam Syarie dalam Daftar sebelum menjalankan amalan
35. Orang yang tidak diberi kuasa
36. Orang tertentu boleh bertindak sebagai Peguam Syarie
37. Surat cara dan dokumen hendaklah diendors
38. Kos dan pembayaran kepada orang yang tidak diberi kuasa

BAHAGIAN VI

NAMA FIRMA

39. Permohonan bagi pendaftaran nama firma
40. Daftar nama firma
41. Pemasukan semula nama firma dalam daftar nama firma

BAHAGIAN VII

BADAN PEGUAM SYARIE DAN MAJLIS PEGUAM SYARIE  
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

*Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan*

42. Penubuhan Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan
43. Matlamat Badan Peguam Syarie
44. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tatacara mesyuarat, dsb.
45. Anggota Badan Peguam Syarie
46. Kelayakan sebagai anggota
47. Yuran tahunan dan levi

*Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan*

## Seksyen

48. Penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan
49. Pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie yang pertama, dsb.
50. Pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie berikutnya
51. Kelayakan untuk dinamakan dan dilantik sebagai anggota Majlis Peguam Syarie
52. Penamaan
53. Penamaan tidak mencukupi
54. Tempoh memegang jawatan anggota Majlis Peguam Syarie
55. Kekosongan luar jangka

*Pemegang Jawatan*

56. Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari Badan Peguam Syarie
57. Pengosongan jawatan anggota Majlis Peguam Syarie

*Kehilangan kelayakan anggota Majlis Peguam Syarie atau mana-mana Jawatankuasanya*

58. Kehilangan kelayakan anggota Majlis Peguam Syarie atau mana-mana Jawatankuasanya

*Kuasa Majlis Peguam Syarie*

59. Kuasa Majlis Peguam Syarie
60. Penubuhan jawatankuasa
61. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
62. Hak untuk memeriksa fail dan salinan prosiding kebankrapan
63. Nama anggota Majlis Peguam Syarie, dsb., hendaklah disiarkan dan kerahsiaan pertimbangtelitian

BAHAGIAN VIII

AMALAN, ETIKA, KELAKUAN DAN TATATERTIB PROFESIONAL  
PEGUAM SYARIE

Seksyen

64. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah mengawal selia amalan, dsb.
65. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan pembukaan dan penyimpanan akaun, dsb.
66. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tanggung rugi professional
67. Peguam Syarie hendaklah mengemukakan laporan akauntan
68. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan pemeriksaan laporan akauntan, dsb.
69. Peguam Syarie tidak boleh dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai ejen
70. Peguam Syarie tidak boleh mengguna khidmat seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.

*Harta, dokumen, wang, dsb., anak guam*

71. Mengambil alih harta, dsb., oleh Majlis Peguam Syarie
72. Membuat perkiraan apabila Peguam Syarie digantung daripada menjalankan amalan
73. Kuasa Majlis Peguam Syarie untuk mengambil milik dokumen, dsb., daripada Peguam Syarie
74. Kuasa Majlis Peguam Syarie untuk mengambil milik dokumen, dsb., daripada Peguam Syarie apabila dia merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.
75. Wakil diri bertanggung bagi perbuatan Peguam Syarie yang meninggal dunia
76. Majlis Peguam Syarie hendaklah mengendalikan akaun bank anak guam bagi Peguam Syarie yang meninggal dunia

BAHAGIAN IX

PROSIDING TATATERTIB

77. Kuasa tatatertib

## Seksyen

78. Aduan terhadap Peguam Syarie atau pelatih dalam kamar
79. Aduan terhadap firma
80. Had masa bidang kuasa tatatertib
81. Kuasa untuk memperoleh dokumen
82. Penalti atau hukuman tatatertib
83. Penggantungan Peguam Syarie
84. Rayuan terhadap perintah atau keputusan Lembaga Tatatertib
85. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan prosiding tatatertib

## BAHAGIAN X

## KUMPULAN WANG TATATERTIB

86. Penubuhan Kumpulan Wang Tatatertib
87. Pembayaran kos, dsb., daripada Kumpulan Wang Tatatertib
88. Pembayaran denda, dsb., ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib

## BAHAGIAN XI

## PELBAGAI

89. Tiada tindakan terhadap Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, Lembaga Tatatertib, dsb., bagi tindakan yang dilakukan
90. Kerahsiaan
91. Peguam Syarie yang dikeluarkan daripada Daftarai Peguam Bela dan Peguam Cara
92. Kuasa untuk menetapkan fi
93. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 814****AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie, untuk mengadakan peruntukan bagi penerimaan masuk Peguam Syarie, untuk mengawal selia amalan profesion guaman Syarie di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[21 Jun 2022; P.U. (B) 285/2022]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak guam” termasuklah—

- (a) berhubung dengan urusan pertikaian—
  - (i) mana-mana orang yang sebagai prinsipal atau bagi pihak orang lain melantik atau mengguna khidmat Peguam Syarie; dan
  - (ii) mana-mana orang yang bertanggung atau mungkin bertanggung untuk membayar kos Peguam Syarie; atau
- (b) berhubung dengan urusan bukan pertikaian—
  - (i) mana-mana orang yang, sebagai prinsipal atau bagi pihak orang lain, atau sebagai pemegang amanah, wasi atau pentadbir, atau atas apa-apa kapasiti lain, mempunyai kuasa yang nyata atau tersirat, untuk melantik atau mengguna khidmat Peguam Syarie; dan
  - (ii) mana-mana orang yang pada masa itu bertanggung atau mungkin bertanggung untuk membayar kos Peguam Syarie bagi perkhidmatannya;

“Badan Peguam Syarie” ertinya Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 42;

“Daftar” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disimpan dan disenggara di bawah seksyen 24;

“Daftar Pengamal” ertinya Daftar Perakuan Amalan Tahunan yang disimpan dan disenggara di bawah seksyen 31;

“Ketua Hakim Syariah” ertinya Ketua Hakim Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya Ketua Pendakwa Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“kos” termasuklah fi, caj, pembayaran, perbelanjaan dan saraan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“mahkamah syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*];

“Mahkamah Tinggi Syariah” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pentadbiran agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“orang yang tidak diberi kuasa” ertinya seseorang yang namanya tidak tersenarai dalam Daftar dan tidak mempunyai Perakuan Amalan Tahunan yang sah;

“pegawai syariah” ertinya pegawai syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam am mana-mana Negeri;

“pegawai undang-undang” ertinya pegawai undang-undang dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan;

“peguam bela dan peguam cara” ertinya peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

“Peguam Syarie” ertinya Peguam Syarie yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Mahkamah Tinggi Syariah dan yang telah didaftarkan di bawah seksyen 24;

“Peguam Syarie Negeri” ertinya mana-mana orang berkeelayakan yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di mana-mana Negeri di Malaysia;

“pelatih dalam kamar” ertinya orang berkelayakan yang menjalani suatu tempoh pelatihan di bawah seksyen 13;

“pelatihan” ertinya pelatihan dalam kamar;

“pengajar” ertinya Peguam Syarie yang dengannya pelatih dalam kamar menjalani tempoh pelatihannya di bawah seksyen 13;

“Pengesahan Sokongan” ertinya pengesahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 28;

“Setiausaha Lembaga” ertinya Setiausaha Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie yang disebut dalam subseksyen 7(1).

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION GUAMAN SYARIE

#### **Penubuhan Lembaga**

3. (1) Suatu badan yang dinamakan sebagai Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie ditubuhkan.

#### **Fungsi Lembaga**

4. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menentukan kelayakan orang yang berhasrat untuk memohon bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie; dan
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi—
  - (i) kursus pengajaran, latihan, pendidikan, temu duga dan peperiksaan oleh Lembaga bagi orang yang berhasrat untuk memohon bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie; dan

- (ii) kursus pengajaran, latihan dan pembangunan profesional yang berterusan Peguam Syarie.

### **Kuasa Lembaga**

5. (1) Lembaga boleh melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Bahagian ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh—

- (a) melantik apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu dan suai manfaat oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan dalam penjalanan kuasanya;
- (b) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Lembaga atau jawatankuasanya;
- (c) melantik mana-mana pensyarah atau pemeriksa bagi maksud menyediakan kursus pengajaran, latihan, pendidikan temu duga dan peperiksaan di bawah perenggan 4(b);
- (d) membayar elaun dan faedah lain kepada pensyarah dan pemeriksa yang dilantik di bawah perenggan (c); dan
- (e) mengenakan apa-apa fi atau caj lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya.

### **Keanggotaan Lembaga**

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Hakim Syariah yang hendaklah menjadi Pengerusi;

- (b) Pengerusi Majlis Peguam Syarie yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) wakil Jabatan Peguam Negara yang hendaklah beragama Islam;
- (d) Ketua Pendakwa Syarie;
- (e) seorang Peguam Syarie yang telah menjalankan amalan selama tempoh tidak kurang daripada dua puluh tahun yang dinamakan oleh Majlis Peguam Syarie;
- (f) seorang ahli akademik dalam bidang syariah daripada institusi pengajian tinggi yang dinamakan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan; dan
- (g) seorang ahli akademik dalam bidang undang-undang daripada institusi pengajian tinggi yang dinamakan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan.

(2) Anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (1)(e), (f) dan (g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tiga tahun lagi.

(3) Anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (1)(e), (f) dan (g) hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya sebagai anggota Lembaga jika—

- (a) dia bukan lagi warganegara Malaysia;
- (b) dia tidak lagi bermastautin di Malaysia;
- (c) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) dia telah didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;

- (e) dalam hal anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(e)—
- (i) dia tidak lagi memegang suatu Perakuan Amalan Tahunan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini; atau
  - (ii) dia telah disabitkan oleh Lembaga Tatatertib bagi apa-apa salah laku di bawah Bahagian IX Akta ini; atau
- (f) dalam hal anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(f) atau (g)—
- (i) dia telah dihukum oleh lembaga tatatertib yang berwibawa bagi apa-apa kesalahan tatatertib; atau
  - (ii) dia telah meletakkan jawatan daripada institusi pengajian tinggi.

(4) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui notis secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

(5) Peruntukan dalam Jadual Pertama kepada Akta hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

### **Setiausaha Lembaga**

7. (1) Ketua Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(2) Setiausaha Lembaga berhak untuk menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Lembaga, tetapi tidak berhak untuk mengundi.

**Elaun**

**8.** Anggota Lembaga, jawatankuasa dan mana-mana orang lain yang diundang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie, dsb.**

**9.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) kelayakan seseorang bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie;
- (b) kursus pengajaran, latihan, pendidikan, temu duga dan peperiksaan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie;
- (c) pengalaman amali yang dikehendaki bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie;
- (d) fi atau caj yang boleh dikenakan oleh Lembaga dalam penjalanan fungsinya dan pelaksanaan kuasanya; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk mengecualikan**

**10.** Lembaga boleh mengecualikan mana-mana orang atau kumpulan orang yang berhasrat untuk memohon bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie daripada menjalani kursus pengajaran, latihan, pendidikan, temu duga

dan pemeriksaan tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

### BAHAGIAN III

#### PENERIMAAN MASUK PEGUAM SYARIE

#### **Orang berkelayakan**

**11.** Bagi maksud Bahagian ini, “orang berkelayakan” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) memiliki apa-apa kelayakan yang ditetapkan oleh Lembaga; atau
- (b) merupakan peguam bela dan peguam cara dan mempunyai apa-apa kelayakan tambahan dalam bidang syariah atau kehakiman syarie sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 12.

#### **Syarat bagi penerimaan masuk**

**12.** (1) Mana-mana orang berkelayakan boleh memohon bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 15 jika dia memenuhi syarat yang berikut:

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (b) beragama Islam;
- (c) sama ada warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- (d) berkelakuan baik;
- (e) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
- (f) tidak dihukum sebagai seorang bankrap yang belum dilepaskan;

- (g) telah menghadiri dan lulus kursus pengajaran, latihan, pendidikan, temu duga atau peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga, jika berkenaan; dan
- (h) telah menjalani tempoh pelatihan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 13.

(2) Peguam Syarie Negeri boleh memohon bagi penerimaan masuk Peguam Syarie di bawah seksyen 15 jika—

- (a) dia memenuhi syarat yang disebut dalam perenggan (1)(a) hingga (g); dan
- (b) dia telah melibatkan diri secara aktif dalam menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie Negeri di mana-mana Negeri sebelum dia memohon bagi penerimaan masuk.

### **Tempoh pelatihan**

**13.** (1) Tertakluk pada subseksyen 14(3), orang berkelayakan hendaklah, sebelum dia diterima masuk sebagai Peguam Syarie, menjalani suatu tempoh pelatihan selama enam bulan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pelatih dalam kamar hendaklah menjalani tempoh pelatihannya dengan pengajar yang sedang menjalankan dan telah menjalankan amalan secara aktif di Wilayah-Wilayah Persekutuan selama suatu tempoh yang berjumlah tidak kurang daripada tujuh tahun sebaik sebelum tarikh permulaan pelatihan pelatih dalam kamar itu.

(3) Pelatih dalam kamar tidak boleh, tanpa kebenaran khas secara bertulis daripada Majlis Peguam Syarie, memegang apa-apa jawatan atau bertugas dalam apa-apa jenis pekerjaan, sama ada sepenuh masa atau selainnya, semasa tempoh pelatihannya, tetapi tiada apa-apa dalam subseksyen ini boleh menghalang pelatih dalam kamar daripada menerima saraan daripada pengajarnya.

### **Pengecualian daripada pelatihan**

14. (1) Majlis Peguam Syarie boleh, atas alasan khas, membenarkan pelatih dalam kamar menjalani tempoh pelatihannya dengan Peguam Syarie yang menjalankan amalan di Negeri lain atau yang telah menjalankan amalan kurang daripada tujuh tahun.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh membenarkan mana-mana orang berkelayakan untuk menjalani bahagian yang berlainan tempoh pelatihannya dengan pengajar yang berlainan.

(3) Majlis Peguam Syarie boleh mengecualikan mana-mana orang berkelayakan yang telah berkhidmat sebagai pegawai syariah selama tempoh sekurang-kurangnya satu tahun daripada menjalani apa-apa tempoh pelatihan di bawah seksyen 13.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), pegawai syariah itu hendaklah mengemukakan kepada Majlis Peguam Syarie suatu perakuan daripada Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau ketua perkhidmatan masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menyatakan tempoh perkhidmatannya sebagai pegawai syariah.

### **Permohonan bagi penerimaan masuk**

15. (1) Suatu permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie oleh orang berkelayakan atau Peguam Syarie Negeri hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang melampirkan—

(a) dalam hal permohonan oleh orang berkelayakan—

(i) salinan diperakui apa-apa keterangan dokumentar yang menunjukkan bahawa dia merupakan orang berkelayakan;

(ii) dua perakuan terkini mengenai kelakuan baiknya;

- (iii) suatu perakuan ketekunan daripada pengajar yang dengannya pemohon itu menjalani pelatihannya dalam hal jika dia dikehendaki untuk menjalani suatu tempoh pelatihan, atau jika perakuan itu tiada apa-apa keterangan lain yang dikehendaki oleh Mahkamah Tinggi Syariah yang menunjukkan bahawa dia telah menjalani pelatihan itu dengan tekun;
  - (iv) jika terpakai, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Setiausaha Lembaga bahawa pemohon telah menghadiri kursus pengajaran, latihan, pendidikan, temu duga atau peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga; dan
  - (v) salinan diperakui apa-apa keterangan dokumentar yang menunjukkan bahawa pemohon telah mencapai umur dua puluh satu tahun, beragama Islam dan merupakan sama ada warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
- (b) dalam hal permohonan oleh Peguam Syarie Negeri—
- (i) suatu salinan diperakui perintah mahkamah syariah atau salinan perakuan amalan bagi Negeri yang menerimanya masuk sebagai Peguam Syarie;
  - (ii) suatu salinan diperakui pengesahan yang diberikan oleh Peguam Syarie yang telah menjalankan amalan di Negeri itu sekurang-kurangnya lima tahun, bahawa pada pengetahuannya, pemohon telah melibatkan diri dalam menjalankan amalan secara aktif sebagai Peguam Syarie di mana-mana Negeri sebelum dia memohon bagi penerimaan masuk; dan
  - (iii) suatu salinan diperakui pengesahan yang diberikan oleh setiausaha atau pegawai lain bagi Jabatan yang bertanggungjawab bagi kelakuan dan tata tertib Peguam Syarie di Negeri itu, bahawa pemohon itu tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan tata tertib.

(3) Permohonan, afidavit, pengesahan, dokumen dan keterangan yang dinyatakan dalam seksyen ini hendaklah mengikut cara yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

### **Memfailkan salinan permohonan**

16. (1) Pemohon hendaklah memfailkan salinan permohonannya bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 15 di Pejabat Ketua Pendaftar yang disertakan dengan suatu notis yang menyatakan butir-butir permohonannya dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah menyebabkan ditampal notis yang disebut dalam subseksyen (1) di Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya selama tiga puluh hari sebelum pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk pemohon itu.

### **Penyampaian salinan permohonan**

17. Pemohon hendaklah menyampaikan suatu salinan permohonannya bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 15 kepada Lembaga, Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis Peguam Syarie dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

### **Siasatan ke atas perilaku pemohon**

18. (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah, apabila menerima suatu salinan permohonan daripada pemohon, membuat atau menyebabkan dibuat suatu siasatan penuh ke atas perilaku pemohon dan, apabila permohonan itu ditetapkan untuk pendengaran, mengemukakan kepada Ketua Pendaftar suatu laporan sulit hasil siasatan itu.

(2) Sekiranya apa-apa laporan itu tidak memihak kepada pemohon, Ketua Pendaftar hendaklah mengemukakan laporan sulit itu kepada Ketua Hakim Syariah dan Ketua Hakim Syariah boleh, jika difikirkannya patut dan munasabah, mengarahkan supaya laporan itu difailkan di Mahkamah Tinggi

Syariah dan suatu salinan laporan itu disampaikan kepada pemohon dan, tertakluk pada apa-apa arahan yang boleh diberikan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, laporan itu hendaklah diambil kira semasa pendengaran permohonan itu.

(3) Semua laporan dan komunikasi di bawah seksyen ini hendaklah dianggap sebagai rahsia.

### **Bantahan permohonan oleh Ketua Pendakwa Syarie atau Majlis Peguam Syarie**

19. (1) Ketua Pendakwa Syarie atau Majlis Peguam Syarie boleh, apabila menerima suatu salinan permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie daripada pemohon, membantah permohonan itu dengan memfailkan notis bantahan yang hendaklah menyatakan secara ringkas alasan bantahan itu.

(2) Notis bantahan itu hendaklah difailkan di Pejabat Ketua Pendaftar dan disampaikan kepada pemohon dalam tempoh tidak kurang daripada tiga hari atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk itu.

(3) Pendengaran bagi notis bantahan itu hendaklah didengar—

- (a) dalam prosiding yang sama dengan, dan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang sama bagi, pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie; dan
- (b) dengan kehadiran wakil Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis Peguam Syarie.

(2) Walau apa pun perenggan (3)(b), pendengaran notis bantahan boleh diteruskan tanpa kehadiran wakil Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis Peguam Syarie jika Mahkamah Tinggi Syariah berpuas hati bahawa pemohon telah menyampaikan kepada Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis Peguam Syarie salinan permohonannya bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie.

### **Bantahan permohonan oleh orang lain**

20. (1) Mana-mana orang selain Ketua Pendakwa Syarie atau Majlis Peguam Syarie boleh memasukkan suatu bantahan untuk membantah permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie yang difailkan di bawah seksyen 15.

(2) Bantahan di bawah subseksyen (1) hendaklah difailkan di Pejabat Ketua Pendaftar dan hendaklah mengandungi nama penuh, pekerjaan dan alamat orang yang membantah permohonan bagi penerimaan masuk itu, suatu pernyataan ringkas tentang alasan bantahannya serta alamat bagi penyampaian.

(3) Apabila bantahan itu difailkan, permohonan bagi penerimaan masuk tidak boleh didengar melainkan jika suatu notis pendengaran tidak kurang daripada tiga hari telah disampaikan kepada orang yang membantah permohonan bagi penerimaan masuk itu.

(4) Orang yang membantah permohonan bagi penerimaan masuk itu boleh hadir dalam pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie itu.

(5) Pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie boleh didengar tanpa kehadiran orang yang membantah permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie itu.

(6) Pendengaran bagi bantahan itu hendaklah didengar dalam prosiding yang sama dengan, dan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang sama bagi, pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie.

### **Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie**

21. Mahkamah Tinggi Syariah boleh, setelah mempertimbangkan permohonan di bawah seksyen 15, laporan siasatan di bawah seksyen 18 dan bantahan di bawah seksyen 19 atau 20, menerima masuk pemohon sebagai Peguam Syarie atau sebaliknya.

**Hak merayu**

22. Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah di bawah seksyen 21 boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan, merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

**Pengeluaran Perakuan Peguam Syarie**

23. Ketua Pendaftar hendaklah, setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah Akta ini, suatu Perakuan Peguam Syarie mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

*Daftar***Daftar Peguam Syarie**

24. (1) Ketua Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Peguam Syarie.

(2) Nama dan tarikh penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie hendaklah dicatatkan dalam Daftar mengikut susunan tarikh penerimaan masuk.

(3) Daftar hendaklah terbuka bagi pemeriksaan oleh mana-mana orang tanpa bayaran.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), apa-apa permohonan bagi suatu cabutan atau salinan daripada Daftar hendaklah tertakluk pada fi yang ditetapkan.

**Pengeluaran nama Peguam Syarie daripada Daftar**

25. (1) Sekiranya pada bila-bila masa selepas penerimaan masuk Peguam Syarie, terdapat bukti yang memuaskan hati Mahkamah Tinggi Syariah bahawa affidavit, pengesahan atau dokumen lain yang telah difailkan oleh Peguam Syarie itu mengandungi pernyataan palsu atau mengelirukan dalam

isinya atau menyembunyikan apa-apa fakta material, nama Peguam Syarie itu boleh dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Sekiranya nama Peguam Syarie telah dikeluarkan daripada Daftar di bawah subseksyen (1), Ketua Pendaftar hendaklah, apabila apa-apa permohonan untuk diterima semula sebagai Peguam Syarie dibuat, membawa fakta itu kepada pengetahuan Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah itu hendaklah, jika tiada hal keadaan yang khas, menolak permohonan itu.

**Peguam Syarie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar**

**26.** (1) Mana-mana Peguam Syarie boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan sebab bagi pengeluaran namanya daripada Daftar.

(3) Peguam Syarie itu hendaklah menyampaikan permohonannya untuk mengeluarkan namanya di bawah subseksyen (1) kepada Majlis Peguam Syarie dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari sebelum permohonan itu didengar.

(4) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah didengar oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang bersidang di dalam kamar.

(5) Setelah mempertimbangkan permohonan di bawah subseksyen (1), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat perintah—

- (a) mengarahkan Ketua Pendaftar untuk memotong nama Peguam Syarie itu daripada Daftar;
- (b) menangguhkan pendengaran permohonan itu kepada suatu tarikh yang difikirkan adil dan munasabah oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah itu; atau

- (c) menolak permohonan itu jika—
- (i) suatu tindakan tata tertib belum selesai terhadap Peguam Syarie itu di bawah Bahagian IX Akta ini; atau
  - (ii) kelakuan Peguam Syarie itu merupakan perkara yang disiasat di bawah Bahagian IX Akta ini; dan
- (d) bagi pembayaran apa-apa kos.

### **Pemasukan semula nama Peguam Syarie dalam Daftar**

**27.** (1) Mana-mana Peguam Syarie yang namanya telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi pemasukan semula namanya dalam Daftar.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disokong dengan suatu affidavit.

(3) Pemohon hendaklah menyampaikan salinan permohonan di bawah subseksyen (1) itu kepada Majlis Peguam Syarie dalam masa empat belas hari sebelum pendengaran permohonan itu.

(4) Majlis Peguam Syarie hendaklah, apabila menerima salinan permohonan itu, menyediakan suatu laporan yang termasuklah salinan rekod apa-apa prosiding yang kesan daripadanya nama pemohon itu dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar.

(5) Majlis Peguam Syarie hendaklah diwakili semasa pendengaran permohonan bagi pemasukan semula itu dan hendaklah mengemukakan laporan yang disediakan di bawah subseksyen (4) kepada Mahkamah Tinggi Syariah sebelum pendengaran permohonan itu.

(6) Mahkamah Tinggi Syariah boleh, jika difikirkannya adil dan munasabah, memerintahkan Ketua Pendaftar untuk memasukkan semula nama pemohon dalam Daftar.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

BAHAGIAN IV

PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

**Pengesahan Sokongan**

**28.** (1) Mana-mana Peguam Syarie yang berhasrat untuk memohon bagi suatu Perakuan Amalan Tahunan hendaklah memohon bagi suatu Pengesahan Sokongan daripada Majlis Peguam Syarie mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Majlis Peguam Syarie hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1), mengeluarkan Pengesahan Sokongan itu kepada Peguam Syarie itu jika—

- (a) Majlis Peguam Syarie berpuas hati bahawa Peguam Syarie itu tidak dilarang daripada memegang suatu Perakuan Amalan Tahunan di bawah seksyen 30;
- (b) Peguam Syarie itu telah mengemukakan atau telah dikecualikan daripada mengemukakan suatu laporan akauntan di bawah Akta ini;
- (c) Peguam Syarie itu tidak berhutang berkenaan dengan apa-apa fi atau levi yang kena dibayar kepada Majlis Peguam Syarie di bawah Akta ini; dan
- (d) Peguam Syarie itu berhasrat untuk menjalankan amalan di bawah suatu nama firma yang diluluskan di bawah seksyen 39.

(3) Suatu prosiding tata tertib boleh diambil terhadap mana-mana Peguam Syarie jika dalam, atau berhubung dengan, suatu permohonan di bawah seksyen ini, dia membuat suatu pernyataan palsu yang material kepada permohonan itu.

**Pengeluaran Perakuan Amalan Tahunan**

**29.** (1) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah, dalam setiap tahun sebelum bertindak sebagai Peguam Syarie, mengemukakan atau menyebabkan supaya dikemukakan kepada Ketua Pendaftar suatu permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan dengan cara yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu akuan bertulis yang menyatakan—

(i) nama penuhnya;

(ii) nama firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu menjalankan amalan;

(iii) alamat utama atau apa-apa alamat lain di mana dia menjalankan amalan; dan

(iv) bahawa dia tidak kehilangan kelayakan daripada memohon bagi suatu Perakuan Amalan Tahunan di bawah seksyen 30;

(b) Pengesahan Sokongan yang dikeluarkan oleh Majlis Peguam Syarie; dan

(c) fi yang ditetapkan.

(3) Ketua Pendaftar hendaklah, apabila berpuas hati bahawa semua dokumen yang perlu yang disebut dalam subseksyen (2) adalah teratur, mengeluarkan kepada Peguam Syarie itu suatu Perakuan Amalan Tahunan.

(4) Tertakluk pada subseksyen (5), tiap-tiap Perakuan Amalan Tahunan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pendaftar dan hendaklah sah dari tarikh pengeluaran hingga akhir tahun itu kecuali jika—

(a) nama Peguam Syarie itu dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar, Perakuan Amalan Tahunan Peguam Syarie itu hendaklah

habis tempoh serta-merta dan tarikh habis tempoh itu hendaklah dicatatkan oleh Ketua Pendaftar dalam Daftar; atau

(b) Peguam Syarie yang dihukum bankrap atau suatu perintah kebangkrapan dibuat terhadapnya, Perakuan Amalan Tahunan Peguam Syarie itu hendaklah digantung serta-merta sehingga kebenaran Majlis Peguam Syarie untuk menghidupkan semula Perakuan Amalan Tahunan Peguam Syarie itu diperoleh.

(5) Jika Peguam Syarie telah mematuhi kehendak di bawah subseksyen (1) dengan sewajarnya dalam bulan Januari mana-mana tahun, Perakuan Amalan Tahunan yang dikeluarkan kepadanya berkenaan dengan tahun itu hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun tertentu itu.

(6) Dalam seksyen ini, perkataan “tahun” ertinya tempoh dari 1 Januari dalam mana-mana tahun kalendar hingga 31 Disember dalam tahun kalendar yang sama.

### **Kehilangan kelayakan daripada mendapatkan Perakuan Amalan Tahunan**

**30.** (1) Peguam Syarie hilang kelayakan untuk memohon bagi suatu Perakuan Amalan Tahunan—

- (a) melainkan jika dia menjalankan amalan atau berhasrat untuk menjalankan amalan sama ada sebagai tuan punya tunggal atau secara perkongsian di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (b) melainkan jika dia diguna khidmat sepenuh masa dalam menjalankan amalannya di Wilayah-Wilayah Persekutuan oleh firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu menjalankan amalan; atau
- (c) jika dia diguna khidmat secara berkeuntungan oleh mana-mana orang lain, firma atau badan atas kapasiti selain sebagai Peguam Syarie.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), Peguam Syarie yang diguna khidmat secara berkeuntungan oleh mana-mana orang lain, firma atau badan atas kapasiti selain sebagai Peguam Syarie boleh, setelah memperoleh kelulusan Majlis Peguam Syarie, memohon bagi suatu Perakuan Amalan Tahunan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, orang berkelayakan tidak boleh ditafsirkan sebagai diguna khidmat secara berkeuntungan jika dia berkhidmat dalam Perkhidmatan Pegawai Syariah, Jabatan Bantuan Guaman dan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

### **Daftar Pengamal**

**31.** (1) Ketua Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar tahunan yang dikenali sebagai Daftar Pengamal.

(2) Apabila dikeluarkan suatu Perakuan Amalan Tahunan, Ketua Pendaftar hendaklah memastikan bahawa butir-butir yang terkandung dalam akuan yang dikemukakan di bawah perenggan 29(2)(a) dan butir-butir lain yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar dicatat dalam Daftar Pengamal.

(3) Jika terdapat apa-apa perubahan butir-butir Peguam Syarie dalam Daftar Pengamal, Peguam Syarie itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari perubahan itu, memberitahu Ketua Pendaftar dan Majlis Peguam Syarie mengenai perubahan butir-butir itu, dan Ketua Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya catatan mengenai perubahan butir-butir berkenaan dengan Peguam Syarie itu dibuat dalam Daftar Pengamal.

(4) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar Pengamal dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

### **Pengemukakan Perakuan Amalan Tahunan**

**32.** Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Perakuan Amalan Tahunannya jika dia dikehendaki oleh mana-mana mahkamah syariah untuk berbuat sedemikian.

BAHAGIAN V

HAK DAN KEISTIMEWAAN PEGUAM SYARIE

**Hak dan keistimewaan Peguam Syarie**

**33.** (1) Tertakluk pada Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, Peguam Syarie hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk hadir dan berhujah bagi pihak anak guamnya dalam semua mahkamah syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa di mahkamah syariah itu dan semua Peguam Syarie mempunyai hak dan keistimewaan yang sama tanpa perbezaan.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Bahagian ini boleh menyentuh hak—

- (a) pegawai syariah, Pendakwa Syarie dan orang berkelayakan lain yang dilantik secara sementara untuk melaksanakan kewajipan pegawai undang-undang atau pegawai syariah untuk mewakili Kerajaan dalam mana-mana mahkamah syariah, dengan syarat bahawa seseorang itu beragama Islam; dan
- (b) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] yang bertindak dalam melaksanakan kewajipannya.

**Nama Peguam Syarie dalam Daftar sebelum menjalankan amalan**

**34.** Mana-mana orang berkelayakan yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie tidak boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa tindakan sebagai Peguam Syarie melainkan jika namanya telah didaftarkan dalam Daftar Peguam Syarie di bawah seksyen 24 dan dia mempunyai Perakuan Amalan Tahunan yang sah yang dikeluarkan di bawah seksyen 29.

**Orang yang tidak diberi kuasa**

35. (1) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang—

- (a) bertindak sebagai Peguam Syarie atau ejen bagi mana-mana pihak kepada prosiding atau atas apa-apa kapasiti, selain sebagai suatu pihak kepada suatu tindakan yang baginya dia sendiri adalah pihak, memulakan, menjalankan, memujuk rayu atau membela apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain atas nama mana-mana orang lain dalam mana-mana mahkamah syariah atau membuat atau menyediakan apa-apa surat cara yang berhubungan dengan apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah syariah; atau
- (b) dengan sengaja atau secara palsu menyamar menjadi, atau memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan bahawa dia berkelayakan atau diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak sebagai Peguam Syarie, atau bahawa dia diiktiraf oleh undang-undang sebagai berkelayakan atau diberi kuasa sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan (3), mana-mana orang yang tidak diberi kuasa sama ada secara langsung atau secara tidak langsung—

- (a) membuat atau menyediakan apa-apa dokumen atau surat cara yang berhubungan dengan apa-apa harta tak alih atau dengan apa-apa prosiding undang-undang atau apa-apa amanah bagi maksud dan berhubung dengan apa-apa tindakan dan guaman dalam mana-mana mahkamah syariah;
- (b) mengambil arahan untuk membuat atau menyediakan apa-apa dokumen untuk mengasaskan atau menentang suatu pemberian

probet atau surat kuasa mentadbir dalam mana-mana Mahkamah Tinggi Syariah; atau

- (c) bagi pihak suatu pihak menuntut atau seorang yang mengatakan dirinya sebagai mempunyai tuntutan atas suatu hak di sisi undang-undang, menulis, menyiarkan atau menghantar suatu surat atau notis yang mengugut hendak mengambil prosiding undang-undang selain suatu surat atau notis menyatakan bahawa perkara itu akan diserahkan kepada Peguam Syarie bagi prosiding undang-undang,

melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini melainkan jika dia membuktikan bahawa tindakan itu telah dilakukan bukan untuk atau dengan harapan untuk mendapat apa-apa fi, keuntungan atau hadiah.

(3) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang melakukan atau memujuk rayu hak untuk melakukan apa-apa tindakan yang lazimnya dalam fungsi atau tanggungjawab Peguam Syarie, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberikan nasihat tentang undang-undang Syariah, melainkan jika dia membuktikan bahawa tindakan itu telah dilakukan bukan untuk atau dengan harapan untuk mendapatkan apa-apa fi, keuntungan atau hadiah, melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini.

(4) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang menawarkan perkhidmatan sebagai Peguam Syarie melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (2), (3) dan (4) boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama, dan bagi kesalahan kali kedua

atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Orang tertentu boleh bertindak sebagai Peguam Syarie**

**36.** (1) Walau apa pun seksyen 35, orang yang berikut boleh bertindak sebagai Peguam Syarie:

- (a) Peguam Negara atau Peguam Cara Negara atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah kuasa salah seorang daripada mereka;
- (b) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 yang bertindak semasa menjalankan kewajipannya;
- (c) pegawai syariah, Pendakwa Syarie dan Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang bertindak semasa menjalankan kewajipan mereka di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan jawatan mereka;
- (d) mana-mana orang yang bertindak secara sendiri untuk dirinya sahaja dalam apa-apa perkara atau prosiding yang dia menjadi pihak; dan
- (e) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang belum dewasa atau orang yang tidak berkeupayaan yang berada di bawah tanggungannya dalam apa-apa perkara atau prosiding yang orang yang belum dewasa atau orang yang tidak berkeupayaan itu menjadi pihak.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah merupakan seorang Islam.

### **Surat cara dan dokumen hendaklah diendors**

**37.** (1) Mana-mana Peguam Syarie yang membuat atau menyediakan apa-apa surat cara atau dokumen hendaklah mengendors atau menyebabkan supaya diendors pada surat cara atau dokumen itu nama dan alamat firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu menjalankan amalan.

(2) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak mengendors atau secara palsu mengendors atau menyebabkan supaya diendors apa-apa surat cara atau dokumen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kos dan pembayaran kepada orang yang tidak diberi kuasa**

**38.** (1) Apa-apa kos berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan oleh orang yang tidak diberi kuasa sebagai Peguam Syarie atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 35 atau 37 tidak boleh didapatkan semula oleh mana-mana orang dalam apa-apa tindakan, guaman atau perkara.

(2) Apa-apa pembayaran kepada orang yang tidak diberi kuasa bagi apa-apa jua yang dilakukan yang menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 35 atau 37 boleh didapatkan semula di dalam mahkamah yang berbidang kuasa berwibawa oleh orang yang telah membayar wang itu.

#### BAHAGIAN VI

#### NAMA FIRMA

### **Permohonan bagi pendaftaran nama firma**

**39.** (1) Mana-mana Peguam Syarie yang berhasrat untuk menubuhkan firma hendaklah memohon kepada Majlis Peguam Syarie bagi pendaftaran dan kelulusan nama firma.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) termasuklah—

- (a) nama firma yang dicadangkan;
- (b) nama Peguam Syarie dan pekongsi, jika berkenaan;
- (c) alamat utama atau mana-mana alamat lain firma yang dicadangkan; dan
- (d) butir-butir lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis Peguam Syarie.

(3) Majlis Peguam Syarie boleh, setelah menerima permohonan di bawah subseksyen (1)—

- (a) mengeluarkan perakuan pendaftaran; dan
- (b) meluluskan nama firma yang dicadangkan.

(4) Majlis Peguam Syarie boleh menolak suatu perakuan bagi pendaftaran atas alasan bahawa nama firma yang dicadangkan itu memperdayakan atau mungkin menjadi terkeliru dengan nama firma lain yang telah didaftarkan.

(5) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak puas hati dengan keputusan Majlis Peguam Syarie boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

(6) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak mematuhi subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

### **Daftar nama firma**

40. (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar nama firma yang di bawahnya Peguam Syarie menjalankan amalan.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh, atas permintaan Peguam Syarie atau pekongsinya, mengeluarkan mana-mana nama firma daripada daftar nama firma, jika Majlis Peguam Syarie berpuas hati bahawa tiada seorang pun menjalankan amalan di bawah nama itu.

(3) Nama firma tidak boleh dipotong daripada daftar nama firma tanpa perakuan daripada Majlis Peguam Syarie.

### **Pemasukan semula nama firma dalam daftar nama firma**

41. (1) Apa-apa permohonan bagi pemasukan semula nama firma dalam daftar nama firma hendaklah dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh, jika difikirkan adil dan munasabah, memasukkan semula nama firma yang dipotong dalam daftar nama firma.

## BAHAGIAN VII

### BADAN PEGUAM SYARIE DAN MAJLIS PEGUAM SYARIE WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

#### *Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan*

### **Penubuhan Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan**

42. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dinamakan Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan ditubuhkan.

(2) Badan Peguam Syarie hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Badan Peguam Syarie boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk pada dan bagi maksud Akta ini, Badan Peguam Syarie boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

(a) membuat kontrak;

- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang atau menikmati, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa harta, hak, faedah, kewajipan dan liabiliti, dalam apa-apa perihalan pun;
- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, memajakkan, menyerahhakkan semula, memindah milik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Badan Peguam Syarie;
- (d) melaburkan apa-apa wang Badan Peguam Syarie dalam apa-apa pelaburan patuh syariah yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (e) meminjam wang bagi maksud yang Badan Peguam Syarie fikirkan wajar dan bagi maksud itu boleh mencagarkan mana-mana harta tak alih yang terletak hak pada Badan Peguam Syarie itu.

### **Matlamat Badan Peguam Syarie**

#### **43. Matlamat Badan Peguam Syarie adalah—**

- (a) untuk menggalakkan dan menjaga kepentingan profesion guaman syarie berhubung dengan amalan undang-undang syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (b) untuk mempertahankan keadilan tanpa mengira kepentingan sendiri atau kepentingan anggotanya, tidak dipengaruhi oleh perasaan takut atau kasihan;
- (c) untuk menjaga dan memajukan standard kelakuan dan pengajaran profesion guaman syarie di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (d) untuk menjaga integriti dan status Peguam Syarie serta mengelak amalan yang tidak sah, curang dan tidak beretika dalam kalangan pengamal undang-undang syariah;

- (e) untuk menggalakkan peluang bagi pemerolehan dan penyebaran pengetahuan dan kemahiran dalam amalan dan pemakaian undang-undang syariah;
- (f) jika diminta berbuat demikian, untuk menyatakan pendapatnya dalam perkara yang melibatkan amalan dan pembaharuan undang-undang syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (g) untuk melindungi dan membantu orang awam dalam semua perkara yang bersampingan dengan undang-undang syariah;
- (h) untuk menggalakkan hubungan baik dan hubungan sosial dalam kalangan anggota dan antara anggota dengan orang lain yang kena-mengena dengan pentadbiran undang-undang, sivil atau syariah, di Wilayah-Wilayah Persekutuan atau di Negeri-Negeri lain; dan
- (i) untuk menggalakkan, mengadakan dan menjaga hubungan baik dengan badan profesional bagi profesion undang-undang di negara lain dan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti mana-mana persatuan tempatan atau antarabangsa dan menjadi anggota persatuan itu.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tatacara mesyuarat, dsb.**

**44. Badan Peguam Syarie boleh membuat kaedah-kaedah untuk—**

- (a) menetapkan tatacara apa-apa mesyuarat termasuklah tatacara mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa Badan Peguam Syarie;
- (b) mengawal selia penjalanan pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie; dan
- (c) menetapkan apa-apa perkara lain yang bersampingan bagi penambahbaikan Badan Peguam Syarie.

**Anggota Badan Peguam Syarie**

45. (1) Seseorang yang telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai Peguam Syarie di bawah Akta ini hendaklah menjadi anggota Badan Peguam Syarie selagi mana dia mempunyai suatu Perakuan Amalan Tahunan yang sah.

(2) Peruntukan Jadual Kedua kepada Akta hendaklah terpakai bagi anggota Badan Peguam Syarie.

**Kelayakan sebagai anggota**

46. Anggota Badan Peguam Syarie yang tidak terhutang yuran di bawah seksyen 47 layak—

- (a) untuk menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung;
- (b) untuk dipilih sebagai anggota Majlis Peguam Syarie;
- (c) untuk mengundi dalam pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie; dan
- (d) untuk berkhidmat dalam mana-mana Jawatankuasa Majlis Peguam Syarie.

**Yuran tahunan dan levi**

47. (1) Majlis Peguam Syarie boleh menentukan—

- (a) amaun yuran tahunan yang kena dibayar oleh anggota Badan Peguam Syarie; dan
- (b) levi yang kena dibayar oleh anggota Badan Peguam Syarie bagi apa-apa tujuan Badan Peguam Syarie.

(2) Jumlah yuran dan levi yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) tidak boleh dalam mana-mana tahun kalendar melebihi tiga ratus ringgit bagi setiap anggota Badan Peguam Syarie tanpa kelulusan dua per tiga daripada anggota yang hadir dan mengundi sendiri dalam sesuatu mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Syarie.

(3) Tanggungan untuk membayar apa-apa amaun yuran tahunan oleh anggota Badan Peguam Syarie kepada Badan Peguam Syarie hendaklah bermula apabila yuran telah ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie dan semua yuran tahunan hendaklah dibayar pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun.

*Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan*

**Penubuhan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan**

**48.** (1) Suatu majlis yang dikenali sebagai Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi pengurusan sempurna Badan Peguam Syarie dan bagi pelaksanaan wajar fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Majlis Peguam Syarie hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) mantan Presiden dan Naib Presiden Badan Peguam Syarie terdahulu yang terdekat kecuali bagi Majlis Peguam Syarie yang pertama; dan
- (b) tiga belas orang Peguam Syarie yang dipilih menurut seksyen 49 dan 50.

(3) Peruntukan Jadual Kedua kepada Akta hendaklah terpakai bagi Majlis Peguam Syarie.

**Pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie yang pertama, dsb.**

**49.** (1) Walau apa pun seksyen 48, Ketua Pendaftar hendaklah, selepas habis tempoh tiga puluh hari dan tidak lewat daripada enam puluh hari dari permulaan kuat kuasa Akta ini, memanggil semua anggota Badan Peguam

Syarie bagi suatu mesyuarat pada bila-bila masa dan mana-mana tempat yang akan ditetapkan olehnya untuk memilih anggota Majlis Peguam Syarie yang disebut dalam perenggan 48(2)(b) dalam kalangan anggotanya.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah, dalam mesyuarat, melantik Peguam Syarie yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada lima belas tahun, dan jika tiada, mana-mana Peguam Syarie yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada lima tahun untuk mempengerusikan mesyuarat.

(3) Kuorum mesyuarat yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah tidak kurang daripada lima puluh orang anggota Badan Peguam Syarie.

(4) Semua perkara berbangkit dalam mesyuarat itu hendaklah diputuskan oleh majoriti anggota yang hadir dan apabila terdapat bilangan undi yang sama banyak, Peguam Syarie yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Anggota yang dipilih itu hendaklah memegang jawatan sehingga anggota baharu yang dipilih di bawah seksyen 50 memulakan jawatannya.

### **Pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie berikutnya**

**50.** (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah, dalam bulan September tiap-tiap dua tahun, menetapkan dan menyiarkan sebelum akhir bulan itu—

- (a) tarikh penamaan untuk memilih anggota Majlis Peguam Syarie yang disebut dalam perenggan 48(2)(b) yang hendaklah pada minggu pertama bulan Oktober tahun itu;
- (b) tarikh pemilihan yang hendaklah pada minggu terakhir bulan Oktober tahun itu; dan
- (c) nama tiga orang juruaudit.

(2) Pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie hendaklah diadakan dalam masa empat belas hari sebelum mesyuarat agung tahunan dan hendaklah, tertakluk pada seksyen 52, dijalankan dengan apa-apa cara sebagaimana yang

ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini pada tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie menurut subseksyen (1).

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), apa-apa kegagalan yang tidak disengajakan di pihak Majlis Peguam Syarie untuk mematuhi seksyen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat berkenaan dengan pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie tidaklah menidaksahkan pemilihan itu.

### **Kelayakan untuk dinamakan dan dilantik sebagai anggota Majlis Peguam Syarie**

**51.** Tiap-tiap anggota Badan Peguam Syarie layak untuk dinamakan atau dilantik sebagai anggota Majlis Peguam Syarie dengan syarat bahawa anggota itu tidak kehilangan kelayakan di bawah seksyen 58.

### **Penamaan**

**52.** (1) Apa-apa penamaan mana-mana calon bagi pemilihan—

- (a) hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua orang anggota yang menyokong; dan
- (b) hendaklah menamakan hanya seorang calon sahaja dan persetujuan calon itu hendaklah diendorskan oleh calon itu.

(2) Nama calon untuk pemilihan yang dinamakan di bawah subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada atau didepositkan di pejabat Badan Peguam Syarie tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie bagi pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie itu.

### **Penamaan tidak mencukupi**

**53.** (1) Jika bilangan calon yang dinamakan bagi suatu pemilihan bagi Majlis Peguam Syarie adalah bilangan anggota yang dikehendaki untuk dipilih, calon itu hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih dan, jika kurang,

calon yang dinamakan hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih sebagai anggota Majlis Peguam Syarie yang berikutnya dan anggota yang disifatkan dipilih itu bersama-sama dengan anggota Majlis Peguam Syarie lain yang sedia ada itu hendaklah melantik beberapa lagi anggota Badan Peguam Syarie yang perlu untuk memenuhi kehendak perenggan 48(2)(b).

(2) Jika tiada penamaan dibuat bagi pemilihan anggota Majlis Peguam Syarie yang berikutnya, anggota Majlis Peguam Syarie sedia ada hendaklah melantik tiga belas anggota Badan Peguam Syarie untuk menjadi anggota Majlis Peguam Syarie yang berikutnya untuk memenuhi kehendak perenggan 48(2)(b).

(3) Anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sebagai anggota yang dipilih.

### **Tempoh memegang jawatan anggota Majlis Peguam Syarie**

**54.** (1) Tiap-tiap anggota Majlis Peguam Syarie yang dipilih di bawah seksyen 50 atau disifatkan telah dipilih di bawah seksyen 53 hendaklah memulakan jawatannya pada 1 Januari selepas pemilihan itu hingga 31 Disember tahun berikutnya.

(2) Tiap-tiap anggota yang dipilih di bawah seksyen 50 layak untuk dipilih semula.

### **Kekosongan luar jangka**

**55.** (1) Apa-apa kekosongan luar jangka yang berbangkit dalam kalangan anggota Majlis Peguam Syarie yang dipilih hendaklah diisi oleh Majlis Peguam Syarie itu dengan pelantikan orang yang berkelayakan di bawah Akta ini, dan anggota baharu itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan anggota yang digantikannya itu.

(2) Walau apa pun apa-apa kekosongan dalam Majlis Peguam Syarie, anggota yang terus menjadi anggota Majlis Peguam Syarie itu boleh bertindak jika kuorum penuh.

(3) Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau di bawah kuasa Majlis Peguam Syarie akan terbatal oleh sebab apa-apa kecacatan yang didapati kemudiannya dalam pemilihan atau kelayakan anggota atau mana-mana daripada mereka.

*Pemegang Jawatan*

**Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari Badan Peguam Syarie**

**56.** (1) Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari bagi Badan Peguam Syarie hendaklah dipilih oleh Majlis Peguam Syarie dalam kalangan anggota Majlis Peguam Syarie.

(2) Presiden Badan Peguam Syarie tidak boleh memegang jawatan lebih daripada dua penggal berturut-turut.

(3) Presiden Badan Peguam Syarie hendaklah juga berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Peguam Syarie.

(4) Sekiranya apa-apa kekosongan luar jangka berbangkit berkenaan dengan jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha atau Bendahari, Majlis Peguam Syarie hendaklah, dalam mesyuarat yang berikutnya atau dengan seberapa segera yang boleh, memilih seorang daripada anggotanya untuk mengisi kekosongan itu.

(5) Presiden Badan Peguam Syarie hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis Peguam Syarie dan Badan Peguam Syarie.

(6) Dalam hal apabila Presiden tidak berupaya menjalankan fungsinya sebagai Presiden, Naib Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis Peguam Syarie atau Badan Peguam Syarie, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Dalam hal apabila Presiden dan Naib Presiden tidak berupaya menjalankan fungsinya sebagai Presiden dan Naib Presiden, mengikut mana-mana yang berkenaan, mesyuarat Majlis Peguam Syarie atau Badan

Peguam Syarie hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana anggotanya yang dipilih oleh Majlis Peguam Syarie.

(8) Peruntukan Jadual Kedua kepada Akta hendaklah terpakai bagi anggota Majlis Peguam Syarie.

### **Pengosongan jawatan anggota Majlis Peguam Syarie**

**57.** Anggota Majlis Peguam Syarie hendaklah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) namanya telah dipotong daripada Daftar atau dia digantung daripada menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie;
- (b) dia menjadi tidak sempurna akal;
- (c) dia seorang bankrap yang tidak dilepaskan;
- (d) dia meletakkan jawatannya dalam Majlis Peguam Syarie; atau
- (e) dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis Peguam Syarie berturut-turut tanpa sebab yang munasabah.

*Kehilangan kelayakan anggota Majlis Peguam Syarie atau  
mana-mana Jawatankuasanya*

### **Kehilangan kelayakan anggota Majlis Peguam Syarie atau mana-mana Jawatankuasanya**

**58.** (1) Mana-mana orang hendaklah hilang kelayakan untuk menjadi anggota Majlis Peguam Syarie atau anggota mana-mana Jawatankuasanya jika—

- (a) dia merupakan anggota Dewan Negara atau Dewan Rakyat, atau anggota sesuatu Dewan Undangan Negeri, atau anggota mana-mana pihak berkuasa tempatan; atau

- (b) dia memegang apa-apa jawatan dalam—
- (i) mana-mana kesatuan sekerja;
  - (ii) mana-mana parti politik; atau
  - (iii) apa-apa pertubuhan lain, apa jua pun badan atau kumpulan orang, sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ia di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, yang mempunyai objektif atau menjalankan aktiviti yang boleh ditafsirkan sebagai berciri politik dari segi sifat, perilaku atau kesan.

(2) Jika anggota Majlis Peguam Syarie atau mana-mana anggota jawatankuasanya menjadi hilang kelayakan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah secara serta-merta disifatkan telah mengosongkan keanggotaannya dan apa-apa jawatan yang dipegangnya.

### *Kuasa Majlis Peguam Syarie*

#### **Kuasa Majlis Peguam Syarie**

**59.** (1) Pengurusan Badan Peguam Syarie dan pengurusan kumpulan wangnya hendaklah terletak hak pada Majlis Peguam Syarie.

(2) Apa-apa kuasa, tindakan atau perkara yang tidak secara nyata dibenarkan, diarahkan atau dikehendaki oleh Akta ini supaya dijalankan atau dilakukan oleh Badan Peguam Syarie dalam mesyuarat agungnya boleh, tertakluk pada Akta ini atau apa-apa ketetapan yang diluluskan oleh Badan Peguam Syarie dalam mesyuarat agung, dijalankan atau dilakukan oleh Majlis Peguam Syarie.

(3) Apa-apa ketetapan yang diluluskan di bawah subseksyen (2) tidak boleh membatalkan apa-apa kuasa yang telah dijalankan atau apa-apa perbuatan atau benda yang telah dilakukan terdahulu oleh Majlis Peguam Syarie yang adalah sah sekiranya ketetapan itu tidak diluluskan.

(4) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), (2) dan (3), Majlis Peguam Syarie hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menjawab soalan yang menyentuh amalan dan etika profesion guaman syarie dan kelakuan anggota;
- (b) untuk mengambil tahu apa-apa perkara yang menyentuh Badan Peguam Syarie atau kelakuan profesional anggotanya dan membawa ke dalam mesyuarat agung Badan Peguam Syarie apa-apa perkara yang difikirkan material kepada Badan Peguam Syarie atau kepada kepentingan profesion dan membuat apa-apa syor dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (c) untuk melantik pegawai, kerani, ejen dan pekerja sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah dan untuk menentukan kewajipan dan terma perkhidmatan mereka;
- (d) untuk memeriksa dan, jika difikirkan patut, membuat laporan mengenai undang-undang semasa mengenai syariah atau perundangan yang dicadangkan dan apa-apa perkara undang-undang yang lain;
- (e) untuk mewakili anggota Majlis Peguam Syarie atau mana-mana anggotanya yang tertentu dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat;
- (f) untuk mengambil bahagian sebagai peguam pemerhati, pencilah atau sahabat mahkamah dalam mana-mana prosiding yang menyentuh kepentingan profesion dan isu undang-undang yang berhubungan dengan orang Islam;
- (g) untuk membeli, memajak atau selainnya memperoleh apa-apa harta alih dan tak alih bagi kegunaan Badan Peguam Syarie, dan menjual, menyewakan, atau selainnya melupuskan apa-apa harta;
- (h) untuk melabur dan menguruskan apa-apa wang Badan Peguam Syarie dalam pelaburan patuh syariah yang dibenarkan untuk pelaburan kumpulan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis;

- (i) untuk menubuhkan, menyenggara dan menguruskan kumpulan wang Badan Peguam Syarie; dan
- (j) untuk menjalankan apa-apa kuasa, keistimewaan dan budi bicara sebagaimana yang tidak dikehendaki secara nyata dan eksklusif oleh Akta ini untuk dijalankan oleh anggota Badan Peguam Syarie dalam mesyuarat agung.

### **Penubuhan jawatankuasa**

**60.** (1) Majlis Peguam Syarie boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis Peguam Syarie untuk membantu Majlis Peguam Syarie dalam menjalankan kuasanya.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1), dengan atau tanpa sekatan atau syarat, apa-apa kuasa Majlis Peguam Syarie.

(3) Apa-apa perwakilan di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan atau dipinda oleh Majlis Peguam Syarie dan perwakilan sedemikian tidaklah menghalang Majlis Peguam Syarie daripada menjalankan apa-apa kuasanya.

(4) Bilangan dan tempoh jawatan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1), dan bilangan anggota yang perlu untuk membentuk suatu kuorum, hendaklah ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie.

(5) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk orang yang bukan anggota Majlis Peguam Syarie.

(6) Apabila Majlis Peguam Syarie mewakilkan kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) apa-apa kuasanya di bawah Akta ini, sekurang-kurangnya separuh daripada anggota jawatankuasa termasuk pengerusinya merupakan anggota Majlis Peguam Syarie.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**61.** Majlis Peguam Syarie hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan dibentangkan kepada anggota Badan Peguam Syarie apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan pengurusan, aktiviti dan kewangannya dalam mesyuarat agung tahunan.

**Hak untuk memeriksa fail dan salinan prosiding kebangkrapan**

**62.** Majlis Peguam Syarie boleh memeriksa fail prosiding kebangkrapan yang berhubungan dengan mana-mana Peguam Syarie yang terhadapnya prosiding kebangkrapan telah diambil, dan untuk dibekalkan dengan salinan asal atau salinan diperakui sah prosiding itu.

**Nama anggota Majlis Peguam Syarie, dsb., hendaklah disiarkan dan kerahsiaan pertimbangtelitian**

**63.** (1) Nama anggota dan nama Setiausaha Majlis Peguam Syarie hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Kecuali setakat yang perlu bagi maksud menyiarkan suatu laporan atau menguatkuasakan apa-apa ketetapan yang diluluskan atau keputusan yang diambil, kerahsiaan pertimbangtelitian dalam semua mesyuarat, prosiding atau siasatan Lembaga, Majlis Peguam Syarie dan Lembaga Tatatertib dan berkenaan dengan semua dokumen berhubung dengan proses pertimbangtelitian hendaklah disimpan dan disenggara oleh anggota Lembaga, Majlis Peguam Syarie, Lembaga Tatatertib dan oleh kakitangan mereka.

(3) Mana-mana anggota Lembaga, Majlis Peguam Syarie, Lembaga Tatatertib, dan kakitangan mereka yang terlibat dalam apa-apa pertimbangtelitian yang disebut dalam subseksyen (2) tidak boleh dipaksa untuk menzahirkan kepada mana-mana mahkamah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pertimbangtelitian itu melainkan jika mahkamah menganggap penzahiran itu adalah penting demi kepentingan keadilan.

BAHAGIAN VIII

AMALAN, ETIKA, KELAKUAN DAN TATATERTIB  
PROFESIONAL PEGUAM SYARIE

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah mengawal selia amalan, dsb.**

64. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa lain untuk membuat kaedah-kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta ini, Majlis Peguam Syarie boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia amalan, etika, kelakuan dan tatatertib profesional Peguam Syarie, kawalan harta kepunyaan anak guam Peguam Syarie itu dan apa-apa perkara yang bersampingan atau tambahan kepada Bahagian ini dan Jadual Ketiga kepada Akta.

(2) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak mematuhi mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan pembukaan dan penyimpanan akaun, dsb.**

65. (1) Majlis Peguam Syarie boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah—

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi pembukaan dan penyimpanan akaun oleh Peguam Syarie di mana-mana institusi kewangan Islam bagi wang anak guam;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi penyimpanan oleh Peguam Syarie akaun yang mengandungi butir-butir dan maklumat mengenai wang yang diterima, dipegang atau dibayar oleh Peguam Syarie untuk atau bagi pihak anak guamnya;
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi pembukaan dan penyimpanan oleh Peguam Syarie yang merupakan pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan satu atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya, suatu akaun di mana-mana institusi

kewangan Islam bagi apa-apa wang yang diamanahkan kepadanya;

- (d) untuk mengadakan peruntukan bagi penyimpanan oleh Peguam Syarie suatu akaun yang mengandungi butir-butir dan maklumat mengenai wang yang diterima, dipegang atau dibayar olehnya untuk atau bagi akaun apa-apa amanah itu;
- (e) untuk mengadakan peruntukan bagi penyimpanan wang yang diterima untuk atau bagi pihak anak guam dalam suatu akaun bank berasingan untuk faedah anak guam; dan
- (f) untuk memberi Majlis Peguam Syarie kuasa untuk mengambil tindakan yang perlu untuk membolehkannya untuk menentukan sama ada kaedah-kaedah itu dipatuhi atau sebaliknya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini, atau dalam mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, hendaklah—

- (a) menyentuh apa-apa perkiraan secara bertulis, bila-bila jua dibuat, antara Peguam Syarie dengan anak guamnya mengenai penggunaan wang anak guam itu atau kepentingannya; dan
- (b) terpakai bagi wang yang diterima oleh seseorang Peguam Syarie yang wang itu tertakluk pada suatu amanah yang dia menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya.

(3) Prosiding tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana Peguam Syarie yang tidak mematuhi mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

(4) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” meliputi amanah yang tersirat dan amanah konstruktif dan keadaan yang pemegang amanah mempunyai kepentingan benefisial atas harta amanah itu dan kepada kewajipan yang bersampingan dengan jawatan seseorang wakil diri, dan “pemegang amanah”, jika konteksnya membenarkan, termasuklah seorang wakil diri.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tanggung rugi profesional**

**66.** (1) Majlis Peguam Syarie boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah mengenai pengambilan tanggung rugi profesional bagi tiap-tiap Peguam Syarie terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional dan kaedah-kaedah itu boleh, bagi maksud mengadakan tanggung rugi itu, melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie untuk mengambil dan mengekalkan takaful atas nama Badan Peguam Syarie dengan mana-mana orang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan takaful liabiliti profesional atau perniagaan takaful kerugian kewangan dan meliputi semua Peguam Syarie yang menjalankan amalan;
- (b) memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie untuk menubuhkan dan menyenggara suatu kumpulan wang bagi maksud tanggung rugi profesional; atau
- (c) menghendaki semua Peguam Syarie untuk mengambil dan mengekalkan takaful.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh—

- (a) menyatakan terma dan syarat yang atasnya tanggung rugi profesional akan tersedia;
- (b) mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pentadbiran dan perlindungan apa-apa kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dan menghendaki semua Peguam Syarie untuk membuat pembayaran kepada kumpulan wang tersebut;
- (c) menghendaki semua Peguam Syarie untuk membuat pembayaran dengan cara premium atas apa-apa takaful yang diambil di bawah subseksyen (1) dan mengadakan peruntukan bagi prosiding oleh Majlis Peguam Syarie atau penanggung takafulnya terhadap mana-

mana Peguam Syarie yang gagal melakukan sedemikian untuk mendapatkan semula bayaran premium yang berkenaan;

- (d) menetapkan syarat yang perlu dipenuhi oleh sesuatu takaful bagi maksud perenggan (1)(c);
- (e) memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie untuk menentukan amaun apa-apa pembayaran yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah;
- (f) menyatakan hal keadaan yang baginya jika Peguam Syarie tidak mematuhi kaedah-kaedah, prosiding berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar melalui tanggung rugi boleh diambil terhadapnya oleh Badan Peguam Syarie atau penanggung takafalnya;
- (g) menetapkan bahawa Peguam Syarie tidak layak untuk memperoleh Pengesahan Sokongan melainkan jika dia dilindungi sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah bagi tempoh yang berkaitan dengan Pengesahan Sokongan;
- (h) memberi Majlis Peguam Syarie kuasa untuk mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk menentukan dan memastikan kaedah-kaedah dipatuhi; dan
- (i) mengandungi apa-apa tatacara, yang bersampingan atau peruntukan lain yang perlu atau suai manfaat bagi maksud kaedah-kaedah.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh hak mana-mana Peguam Syarie, sebagai tambahan kepada tanggung rugi yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, untuk melindungi dirinya selanjutnya terhadap apa-apa kerugian yang berbangkit daripada apa-apa tuntutan yang mungkin dimulakan terhadapnya.

**Peguam Syarie hendaklah mengemukakan laporan akauntan**

**67.** (1) Semua Peguam Syarie hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pendaftar dalam apa-apa permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan, suatu laporan yang ditandatangani oleh akauntan, disebut sebagai “laporan akauntan” dalam seksyen ini.

(2) Laporan akauntan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menyatakan bahawa akauntan itu pada mematuhi seksyen ini dan apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini telah memeriksa buku, akaun dan dokumen firma Peguam Syarie itu bagi apa-apa tempoh perakaunan yang dinyatakan dalam laporan itu;
- (b) menyatakan sama ada akauntan itu berpuas hati, daripada pemeriksaannya ke atas buku, akaun dan dokumen yang dikemukakan kepadanya dan daripada maklumat dan penjelasan yang diberi kepadanya, bahawa semasa tempoh perakaunan tersebut Peguam Syarie itu atau firmanya telah mematuhi apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 65;
- (c) menyatakan, jika akauntan itu tidak berpuas hati, perkara yang berkenaan dengannya dia tidak berpuas hati itu;
- (d) mengandungi apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam Syarie di bawah seksyen 65; dan
- (e) dikemukakan kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, selepas berakhirnya tempoh perakaunan yang dinyatakan dalam laporan itu.

(3) Tertakluk pada mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, tempoh perakaunan bagi maksud suatu laporan akauntan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah—

- (a) bermula pada habisnya tempoh perakaunan terakhir sebelumnya yang baginya suatu laporan akauntan telah diserahkan;
- (b) meliputi tidak kurang daripada dua belas bulan dalam satu tahun kalendar;
- (c) berakhir tidak lebih daripada dua belas bulan sebelum tarikh laporan itu dikemukakan kepada Ketua Pendaftar; dan
- (d) selaras dengan perenggan (a), (b) dan (c) bersamaan dengan suatu tempoh atau tempoh berturut-turut yang baginya akaun Peguam Syarie itu atau firmanya biasanya disediakan.

(4) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak mematuhi seksyen ini hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan pemeriksaan laporan akauntan, dsb.**

**68.** (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah untuk menguatkuasakan seksyen ini dan tanpa menyentuh keluasan seksyen 65 dan 67, kaedah-kaedah itu hendaklah menetapkan jenis dan takat pemeriksaan yang hendak dibuat oleh akauntan itu ke atas buku dan akaun firma mana-mana Peguam Syarie dan ke atas apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan tujuan bagi penyediaan laporan yang hendaklah dikemukakan oleh Peguam Syarie itu di bawah seksyen ini.

(2) Kaedah-kaedah yang disebut dalam subseksyen (1) boleh termasuk peruntukan bagi—

- (a) membenarkan dalam apa-apa hal keadaan khas yang ditakrifkan dalam kaedah-kaedah itu suatu tempoh perakaunan yang berlainan daripada tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 67(3); dan
- (b) mengawal selia apa-apa perkara mengenai tatacara atau perkara yang bersampingan atau yang menjadi tambahan kepada seksyen ini.

(3) Mana-mana Peguam Syarie yang tidak mematuhi seksyen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

**Peguam Syarie tidak boleh dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai ejen**

**69.** (1) Mana-mana Peguam Syarie tidak boleh dengan sengaja dan dengan diketahuinya—

- (a) bertindak sebagai ejen dalam apa-apa jenis prosiding undang-undang atau dalam apa-apa perkara yang di bawah Akta ini hanya boleh dilakukan oleh Peguam Syarie yang mempunyai Perakuan Amalan Tahunan yang sah;
- (b) membenarkan namanya digunakan dalam mana-mana prosiding undang-undang atau perkara bagi pihak atau bagi keuntungan mana-mana Peguam Syarie yang lain, atau menghantar apa-apa proses kepada Peguam Syarie yang lain; atau
- (c) melakukan apa-apa perbuatan lain yang membolehkan Peguam Syarie itu hadir, bertindak, menjalankan amalan atau berupa sebagai menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie dalam apa-apa prosiding atau perkara itu.

(2) Peguam Syarie tidak boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk mengendalikan apa-apa akaun bank atas namanya atau atas nama firmannya dan yang disenggara olehnya atau oleh firmannya yang berkaitan dengan amalannya sebagai Peguam Syarie.

(3) Mana-mana Peguam Syarie yang melanggar dengan subseksyen (1) atau (2) hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

**Peguam Syarie tidak boleh mengguna khidmat seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.**

**70.** (1) Peguam Syarie tidak boleh, berkaitan dengan amalannya, mengguna khidmat atau menyara mana-mana orang yang diketahuinya—

- (a) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (b) namanya telah dipotong daripada Daftar selain atas permintaannya sendiri di mana-mana Negeri dan namanya masih dipotong;
- (c) telah digantung daripada menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie di mana-mana Negeri dan masih digantung;
- (d) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (e) telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan kecurangan atau fraud atau telah didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];
- (f) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah seksyen 15A Akta Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*]; atau
- (g) diguna khidmat sebagai pegawai awam.

(2) Mana-mana Peguam Syarie yang bertindak melanggar dengan seksyen ini hendaklah tertakluk pada prosiding tatatertib.

*Harta, dokumen, wang, dsb., anak guam*

**Mengambil alih harta, dsb., oleh Majlis Peguam Syarie**

**71.** (1) Majlis Peguam Syarie boleh, jika mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana Peguam Syarie, rakan kongsi atau pekerjanya telah melakukan suatu kesalahan kecurangan berkaitan dengan amalan Peguam Syarie itu sebagai Peguam Syarie atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang Peguam Syarie itu menjadi pemegang

amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya, mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud itu.

(2) Apabila perakuan itu dikeluarkan, apa-apa harta, dokumen kepunyaan, atau wang yang kena dibayar kepada, anak guam Peguam Syarie atau apa-apa amanah yang dipegang oleh Peguam Syarie itu, rakan kongsi atau pekerjanya hendaklah diuruskan oleh Majlis Peguam Syarie mengikut peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta.

### **Membuat perkiraan apabila Peguam Syarie digantung daripada menjalankan amalan**

72. (1) Jika nama Peguam Syarie dikeluarkan daripada Daftar atau jika Peguam Syarie digantung daripada menjalankan amalan, Peguam Syarie itu hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh material, memuaskan hati Majlis Peguam Syarie bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyediakan bagi anak guamnya atau bagi Peguam Syarie lain yang diarahkan oleh anak guamnya atau olehnya sendiri—

- (a) semua surat ikatan, wasiat, dokumen yang menjadi atau menerangkan hak milik apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucer dan dokumen lain yang ada dalam milikan atau kawalan Peguam Syarie atau firmannya, rakan kongsi atau pekerjanya atau yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang dia menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya; dan
- (b) semua wang yang kena dibayar olehnya atau oleh firmannya kepada anak guamnya, atau yang dipegang olehnya atau oleh firmannya bagi pihak anak guamnya atau yang tertakluk pada sesuatu amanah di bawah perenggan (a).

(2) Jika Peguam Syarie itu tidak memberikan penjelasan yang memuaskan hati Majlis Peguam Syarie, peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta hendaklah terpakai bagi Peguam Syarie itu.

(3) Dalam subseksyen (1), “tarikh material” ertinya tarikh yang terkemudian sekali antara tarikh-tarikh yang berikut:

- (a) tarikh apabila perintah Lembaga Tatatertib atau perintah Mahkamah Tinggi Syariah yang dengannya atau yang menurutnya nama Peguam Syarie itu dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar, atau Peguam Syarie itu digantung daripada menjalankan amalan, akan mula berkuat kuasa;
- (b) tarikh terakhir yang sesuatu rayuan terhadap perintah dalam perenggan (a) boleh dibuat; atau
- (c) tarikh sesuatu rayuan di bawah perenggan (b) ditolak atau ditarik balik.

(4) Dalam seksyen ini dan Jadual Ketiga kepada Akta, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam subseksyen 65(4).

### **Kuasa Majlis Peguam Syarie untuk mengambil milik dokumen, dsb., daripada Peguam Syarie**

73. (1) Jika—

- (a) suatu aduan dibuat kepada Majlis Peguam Syarie bahawa terdapat kelengahan tidak wajar di pihak Peguam Syarie berkaitan dengan apa-apa perkara yang Peguam Syarie itu atau firmanya telah diarahkan bagi pihak anak guam atau apa-apa perkara berkenaan dengan pentadbiran sesuatu amanah yang Peguam Syarie itu menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya;
- (b) Majlis Peguam Syarie melalui notis secara bertulis menghendaki Peguam Syarie itu untuk memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara itu;
- (c) Peguam Syarie itu telah, dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu hari yang dinyatakan dalam notis tersebut, tidak

memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara itu yang dianggap cukup dan memuaskan oleh Majlis Peguam Syarie; dan

- (d) Peguam Syarie itu telah diberitahu secara bertulis oleh Majlis Peguam Syarie bahawa dia telah gagal memberi penjelasan itu,

peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta kecuali perenggan 10 hendaklah terpakai bagi Peguam Syarie itu, tetapi berkenaan dengan dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual Ketiga kepada Akta dan jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 12 Jadual Ketiga kepada Akta, hanya setakat yang dokumen dan wang itu berkaitan dengan hal perkara aduan itu.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh, bagi maksud perenggan 9 dalam Jadual Ketiga kepada Akta, membuat salinan kepada, atau mengambil cabutan daripada, dokumen yang berkaitan dengan perkara yang diadukan itu dan dengan perkara lain dalam amalan Peguam Syarie itu.

(3) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam subseksyen 65(4).

**Kuasa Majlis Peguam Syarie untuk mengambil milik dokumen, dsb., daripada Peguam Syarie apabila dia merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.**

74. (1) Jika Peguam Syarie yang menjalankan amalan atas namanya sendiri atau sebagai Peguam Syarie di bawah suatu nama firma dan—

- (a) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan atau perintah kebankrapan masih berkuat kuasa terhadapnya;
- (b) telah membuat suatu komposisi dengan pemiutangnya atau suatu surat ikatan perkiraan bagi faedah pemiutangnya;
- (c) suatu perintah supaya dia dibicarakan atau suatu perintah supaya suatu writ tahan harta telah dibuat terhadapnya; atau

- (d) merupakan orang yang kecelaruan mental sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*],

dan Majlis Peguam Syarie mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa disebabkan perbuatan, kemungkiran atau ketidakupayaan Peguam Syarie itu atau pekerjanya—

- (i) terdapat kelengahan tidak wajar berkaitan dengan apa-apa perkara yang Peguam Syarie atau firmannya telah diarah bagi pihak anak guam atas apa-apa perkara berkaitan dengan pentadbiran suatu amanah yang Peguam Syarie itu menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya; atau
- (ii) apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh Peguam Syarie atau firmannya itu kepada anak guamnya atau yang dipegang olehnya atau firmannya bagi pihak anak guamnya, atau yang tertakluk pada apa-apa amanah yang dia merupakan pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya, adalah dalam bahaya semasa berada dalam kawalan atau milikan Peguam Syarie itu atau firmannya,

peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta kecuali perenggan 10 hendaklah terpakai bagi Peguam Syarie itu.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh, bagi maksud perenggan 9 Jadual Ketiga kepada Akta membuat salinan kepada, atau mengambil cabutan daripada, dokumen yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam subperenggan (1)(i) atau dengan apa-apa jumlah wang yang disebut dalam subperenggan (1)(ii) atau dengan perkara atau jumlah wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dengan perkara lain dalam amalan Peguam Syarie itu.

(3) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam subseksyen 65(4).

**Wakil diri bertanggung bagi perbuatan Peguam Syarie yang meninggal dunia**

75. (1) Jika—

- (a) Majlis Peguam Syarie mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa wakil diri bagi Peguam Syarie yang telah meninggal dunia yang sebaik sebelum kematiannya telah menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atas namanya sendiri, bersalah atas kecurangan atau kelengahan tidak wajar dalam mentadbir hal ehwal amalan Peguam Syarie itu atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang Peguam Syarie itu menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya; atau
- (b) Peguam Syarie meninggal dunia dan sebaik sebelum kematiannya peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta terpakai baginya,

peruntukan Jadual Ketiga kepada Akta kecuali perenggan 10 hendaklah terpakai bagi wakil diri Peguam Syarie itu dan hendaklah terus terpakai bagi wakil diri Peguam Syarie itu sebagaimana peruntukan itu terpakai atau telah terpakai, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan Peguam Syarie yang disebut dalam peruntukan itu dan seolah-olah perkataan “wakil diri” telah, dengan penyesuaian yang perlu, menggantikan perkataan “Peguam Syarie” di mana-mana jua perkataan tersebut terdapat dalam peruntukan itu.

(2) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam subseksyen 65(4).

**Majlis Peguam Syarie hendaklah mengendalikan akaun bank anak guam bagi Peguam Syarie yang meninggal dunia**

76. Apabila Peguam Syarie meninggal dunia yang sebaik sebelum kematiannya telah menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atas namanya sendiri, hak untuk mengendalikan, atau menguruskan dengan cara lain, apa-apa akaun bank atas nama Peguam Syarie itu atau nama firmannya,

merupakan suatu akaun yang ke dalamnya telah dibayar apa-apa wang anak guam, hendaklah, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini yang berlawanan, terletak hak pada Majlis Peguam Syarie dengan mengeneipikan hak mana-mana wakil diri Peguam Syarie itu dan boleh dijalankan mulai dari tarikh Peguam Syarie itu meninggal dunia.

#### BAHAGIAN IX

#### PROSIDING TATATERTIB

#### **Kuasa tatatertib**

77. (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua Peguam Syarie dan pelatih dalam kamar.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana Peguam Syarie dan pelatih dalam kamar.

(3) Majlis Peguam Syarie hendaklah menubuhkan suatu cara, termasuk menubuhkan Lembaga Tatatertib untuk menguruskan aduan atau maklumat yang diterima terhadap Peguam Syarie dan apa-apa jawatankuasa lain untuk membantu Lembaga Tatatertib.

(4) Bagi maksud Bahagian ini—

“Lembaga Tatatertib” ertinya Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Syarie di bawah subseksyen (3);

“salah laku” ertinya apa-apa kelakuan, atau peninggalan untuk bertindak sebagai, Peguam Syarie atas sifat profesionalnya atau selainnya yang dikira sebagai perbuatan tidak patut yang serius dan termasuklah—

- (a) sabitan atas kesalahan jenayah yang menjadikan dia tidak layak menjadi anggota profesionnya;
- (b) pelanggaran kewajipan kepada mahkamah syariah termasuk apa-apa kegagalannya untuk mematuhi suatu aku janji yang diberikan kepada mahkamah syariah itu;

- (c) kelakuan kecurangan atau fraud dalam melaksanakan kewajibannya;
- (d) pelanggaran apa-apa kaedah-kaedah amalan dan etika profesion yang dibuat oleh Majlis Peguam Syarie di bawah Akta ini atau selainnya;
- (e) dihukum bankrap;
- (f) menawarkan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan syariah bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana Peguam Syarie lain;
- (g) secara langsung atau tidak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya sendiri atau mana-mana Peguam Syarie lain melalui atau atas arahan mana-mana orang yang kepadanya apa-apa saraan bagi memperoleh pekerjaan itu telah diberikan olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberikan sedemikian;
- (h) menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan syariah melalui penarik langganan;
- (i) membenarkan mana-mana orang yang tidak diberi kuasa menjalankan urusan perundangan syariah atas namanya tanpa kawalan terus dan terdekat olehnya selaku ketua atau tanpa penyeliaan yang sepatutnya;
- (j) menjalankan sendiri, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan yang tidak bersesuaian dengan profesion perundangan syariah atau diguna khidmat bagi ganjaran atau selainnya dalam apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan itu;
- (k) pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini atau apa-apa arahan atau keputusan Majlis Peguam Syarie;

- (l) pengeluaran atau pemotongan namanya daripada Daftar, penggantungan atau teguran atas sifatnya sebagai Peguam Syarie di mana-mana Negeri lain atau telah melakukan kesalahan salah laku yang boleh menyebabkan dia dihukum di mana-mana Negeri lain;
- (m) mengenakan, tanpa perjanjian bertulis, berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada anak guam, fi atau kos yang terlalu berlebihan dalam semua hal keadaan;
- (n) terlalu mengabaikan kepentingan anak guamnya; dan
- (o) bertindak dalam apa-apa perkara yang tidak sepadan dengan Peguam Syarie atau yang menyebabkan atau dijangka akan menyebabkan profesion perundangan syariah dipandang hina.

### **Aduan terhadap Peguam Syarie atau pelatih dalam kamar**

**78.** (1) Apa-apa aduan mengenai salah laku mana-mana Peguam Syarie atau mana-mana pelatih dalam kamar hendaklah secara bertulis kepada Lembaga Tatatertib.

(2) Mana-mana mahkamah syariah, Hakim Mahkamah Syariah atau Pendakwa Syarie boleh pada bila-bila masa merujuk apa-apa aduan terhadap mana-mana Peguam Syarie atau pelatih dalam kamar kepada Lembaga Tatatertib.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dikira menghalang Majlis Peguam Syarie daripada membuat apa-apa aduan atas usulnya sendiri kepada Lembaga Tatatertib terhadap mana-mana Peguam Syarie atau pelatih dalam kamar.

(4) Semua aduan yang dibuat atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib di bawah seksyen ini hendaklah diuruskan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Aduan terhadap firma**

**79.** (1) Apa-apa aduan kepada Lembaga Tatatertib terhadap sesebuah firma hendaklah secara bertulis dan aduan itu hendaklah disifatkan telah dibuat—

- (a) dalam hal suatu pemunyaan tunggal, terhadap Peguam Syarie yang pada masa yang material merupakan tuan punya tunggal firma itu; atau
- (b) dalam hal suatu perkongsian, terhadap semua Peguam Syarie yang pada masa yang material merupakan rakan kongsi firma itu, melainkan jika firma itu memuaskan hati Lembaga Tatatertib tentang identiti Peguam Syarie dalam firma yang terhadapnya aduan itu telah berbangkit.

(2) Jika pada mana-mana peringkat prosiding Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa suatu aduan yang dibuat terhadap suatu firma hendaklah dibuat terhadap Peguam Syarie yang tertentu, Lembaga Tatatertib hendaklah dengan serta-merta menggantikan nama firma itu dengan nama Peguam Syarie yang berkenaan.

(3) Semua aduan terhadap mana-mana firma hendaklah diuruskan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Had masa bidang kuasa tatatertib**

**80.** (1) Apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana Peguam Syarie atau mana-mana pelatih dalam kamar tidak boleh disiasat oleh Lembaga Tatatertib selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh hak tindakan terakru.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika—

- (a) aduan itu berasaskan kepada fraud Peguam Syarie atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya Peguam Syarie itu atau ejennya membuat tuntutan; atau

- (b) hak tindakan untuk membawa aduan tersembunyi akibat fraud Peguam Syarie atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya dia atau ejennya membuat tuntutan,

had masa tidak bermula sehingga pengadu mengetahui fraud itu, atau dengan usaha yang munasabah mengetahui fraud itu.

### **Kuasa untuk memperoleh dokumen**

**81.** (1) Lembaga Tatatertib boleh, pada mana-mana peringkat selepas suatu aduan diterima, menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau penjelasan lanjut daripada pengadu, Peguam Syarie itu atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Mana-mana Peguam Syarie atau mana-mana orang lain yang tanpa alasan yang munasabah enggan atau gagal untuk mengemukakan kepada Lembaga Tatatertib apa-apa dokumen atau gagal untuk memberikan apa-apa maklumat yang boleh berhubung dengan hal perkara aduan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari atau kedua-duanya.

### **Penalti atau hukuman tatatertib**

**82.** (1) Lembaga Tatatertib boleh, setelah memuktamadkan mana-mana peringkat prosiding tatatertib, mengenakan satu atau lebih penalti atau hukuman yang berikut:

- (a) mencatatkan teguran atau celaan bersetentang dengan nama Peguam Syarie itu dalam Daftar;
- (b) pengenaan suatu denda yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit;
- (c) penggantungan Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan bagi tempoh yang tidak melebihi lima tahun; atau

(d) pemotongan nama Peguam Syarie itu daripada Daftar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga Tatatertib juga boleh membuat perintah restitusi wang pengadu sekiranya terbukti wang itu telah atau sedang dipegang oleh Peguam Syarie itu dalam sifat profesionalnya dan pengadu berhak terhadap pemulangan wang itu atau sebahagian wang itu.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah, sebelum mengenakan mana-mana satu atau lebih penalti atau hukuman di bawah subseksyen (1) atau membuat perintah restitusi di bawah subseksyen (2), memberitahu Peguam Syarie mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan memberinya peluang untuk didengar yang munasabah.

(4) Jika Lembaga Tatatertib membuat perintah bahawa Peguam Syarie perlu membuat restitusi kepada pengadu, Lembaga Tatatertib boleh menyatakan masa yang restitusi itu hendaklah dibuat.

(5) Pemulangan wang atau sebahagian wang yang disebut dalam subseksyen (2) boleh didapatkan oleh pengadu sebagai suatu hutang sivil.

### **Penggantungan Peguam Syarie**

**83.** Jika Peguam Syarie—

- (a) telah didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah atas suatu kesalahan yang melibatkan kecurangan, penyalahgunaan atau pelepasan wang atau harta anak guam atau mana-mana orang lain;
- (b) telah dipotong namanya daripada Daftar;
- (c) telah dikeluarkan, digantung, ditegur atau dicela atas sifatnya sebagai Peguam Syarie di mana-mana Negeri lain;
- (d) merupakan subjek kepada apa-apa aduan mengenai apa-apa perbuatan curang yang dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai Peguam Syarie;

- (e) telah meninggalkan negara atau tidak hadir di pejabatnya dalam apa-apa hal keadaan yang Majlis Peguam Syarie boleh menganggap dengan munasabah bahawa dia telah melarikan diri; atau
- (f) selainnya tidak berdaya kerana kelemahan tubuh atau akal atau atas apa-apa sebab lain untuk melaksanakan dengan berkesan tugasnya sebagai Peguam Syarie,

dan Majlis Peguam Syarie berpendapat bahawa adalah demi kepentingan awam atau kepentingan anak guamnya atau profesion yang Peguam Syarie tersebut digantung daripada menjalankan amalan, Majlis Peguam Syarie boleh memohon kepada Lembaga Tatatertib bagi suatu perintah menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan sehingga notis selanjutnya diberikan.

### **Rayuan terhadap perintah atau keputusan Lembaga Tatatertib**

**84.** Mana-mana orang yang terkilang dengan apa-apa perintah atau keputusan yang dibuat terhadapnya oleh Lembaga Tatatertib dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan pemberitahuan perintah atau keputusan itu.

### **Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan prosiding tatatertib**

**85.** (1) Majlis Peguam Syarie boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawal selia—

- (a) penerimaan aduan atau maklumat yang berhubung dengan apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Lembaga Tatatertib;
- (b) tatacara bagi penubuhan jawatankuasa lain untuk membantu Lembaga Tatatertib dalam menjalankan siasatan yang

berhubungan dengan apa-apa perkara tata tertib yang boleh disiasat oleh Lembaga Tata tertib; dan

(c) tatacara yang berhubungan dengan perjalanan prosiding tata tertib.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar dengan kaedah-kaedah sebagai satu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

#### BAHAGIAN X

#### KUMPULAN WANG TATATERTIB

#### **Penubuhan Kumpulan Wang Tata tertib**

**86.** (1) Badan Peguam Syarie hendaklah menubuhkan, menyenggara dan mentadbir suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai Kumpulan Wang Tata tertib.

(2) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah, apabila dia memohon Pengesahan Sokongan, membayar kepada Badan Peguam Syarie suatu sumbangan kepada Kumpulan Wang Tata tertib yang jumlahnya boleh ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie.

#### **Pembayaran kos, dsb., daripada Kumpulan Wang Tata tertib**

**87.** Segala kos, caj dan perbelanjaan bagi maksud mana-mana prosiding tata tertib di bawah Akta ini hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Tata tertib itu.

**Pembayaran denda, dsb., ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib**

**88.** Apa-apa denda, penalti, atau apa-apa bayaran lain yang diperintahkan oleh Lembaga Tatatertib supaya dibayar hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib.

## BAHAGIAN XI

## PELBAGAI

**Tiada tindakan terhadap Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, Lembaga Tatatertib, dsb., bagi tindakan yang dilakukan**

**89.** Tiada apa-apa tindakan atau prosiding boleh dibawa terhadap Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, Lembaga Tatatertib atau mana-mana anggotanya bagi apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana mahkamah melainkan jika dibuktikan bahawa tindakan atau perkara yang dilakukan dengan tidak suci hati atau dengan niat jahat.

**Kerahsiaan**

**90.** Perintah, keputusan, ketetapan dan arahan Lembaga Tatatertib, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie adalah dianggap rahsia melainkan jika dan setakat yang perlu untuk menzahirkan bagi maksud menguatkuasakan Akta ini.

**Peguam Syarie yang dikeluarkan daripada Daftarai Peguam Bela dan Peguam Cara**

**91.** Mana-mana Peguam Syarie yang menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftarai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi yang disimpan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah dikeluarkan dengan sewajarnya daripada semua daftar yang disimpan dan disenggara di bawah Akta ini.

### **Kuasa untuk menetapkan fi**

92. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan fi yang kena dibayar di bawah seksyen 23, 24, 29 dan 31.

### **Kuasa untuk meminda Jadual**

93. Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual-Jadual kepada Akta ini.

---

#### JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 6(5)]

#### PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION GUAMAN SYARIE

### **Mesyuarat Lembaga**

1. (1) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha Lembaga untuk memanggil mesyuarat Lembaga.

(2) Mana-mana tiga orang anggota Lembaga boleh pada bila-bila masa secara bertulis meminta Setiausaha Lembaga untuk memanggil mesyuarat Lembaga, dengan syarat bahawa tiga orang anggota Lembaga itu memberitahu Setiausaha Lembaga usul mereka untuk mengadakan mesyuarat.

(3) Pengerusi, atau jika ketiadaannya, Timbalan Pengerusi, hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(4) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, anggota Lembaga yang hadir hendaklah melantik dalam kalangan mereka seorang anggota untuk mempengerusikan mesyuarat dan orang yang dilantik itu hendaklah mempunyai semua kuasa Pengerusi bagi maksud dan bagi tempoh mesyuarat itu.

(5) Lembaga hendaklah berjumpa sekurang-kurangnya empat kali setahun.

**Setiausaha Lembaga hendaklah memanggil mesyuarat**

2. (1) Setiausaha Lembaga hendaklah memanggil mesyuarat Lembaga dalam masa empat belas hari dari penerimaan arahan daripada Pengerusi atau permintaan daripada anggota Lembaga, masing-masing, di bawah subperenggan 1(1) atau 1(2).

(2) Notis bertulis itu hendaklah disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat Lembaga itu tetapi Pengerusi boleh, jika dia menganggap bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memanggil mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan bahawa kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

**Kuorum**

3. Lima orang anggota Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

**Undi pemutus**

4. Semua perkara yang dikehendaki untuk ditentukan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan oleh undi majoriti anggota yang hadir dan sekiranya terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau pemangku Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasa.

**Kehadiran bukan anggota**

5. (1) Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Lembaga ke mana-mana mesyuarat Lembaga, jika urusan di hadapan mesyuarat menghendaki kehadiran orang itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) berhak untuk menyertai dalam pertimbangtelitian itu, tetapi tidak berhak untuk mengundi.

**Minit mesyuarat Lembaga**

6. (1) Setiausaha Lembaga hendaklah menyebabkan semua minit mesyuarat disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat terdahulu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk pada apa-apa pindaan yang perlu.

(3) Semua minit hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi.

(4) Minit mesyuarat Lembaga hendaklah diterima sebagai keterangan fakta yang dinyatakan dalam minit tanpa apa-apa bukti selanjutnya jika minit itu ditandatangani sewajarnya.

#### **Tatacara**

7. Lembaga boleh mengawal selia tataranya sendiri.

#### **Penzahiran kepentingan**

8. (1) Tiap-tiap anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kepentingan dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga fakta dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga, dan melainkan jika dibenarkan oleh Pengerusi, anggota yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam perkara itu tidak boleh menyertai atau hadir dalam apa-apa proses pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan perkara itu.

#### **Kesahan tindakan dan prosiding**

9. Tiada tindakan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan;
- (b) terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga;
- (c) terdapat pelanggaran perenggan 8 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (d) terdapat apa-apa ketinggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang menjejaskan merit kes.

## JADUAL KEDUA

[Subseksyen 45(2), 48(3) dan 56(8)]

PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
BADAN PEGUAM SYARIE DAN MAJLIS PEGUAM SYARIE

## BAHAGIAN I

## BADAN PEGUAM SYARIE

**Mesyuarat Agung Tahunan**

1. (1) Majlis Peguam Syarie hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Syarie sebelum hari terakhir November setiap tahun.

(2) Notis mengenai mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Syarie hendaklah disampaikan kepada semua anggota, dengan apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu.

(3) Kehendak di bawah subperenggan (2) tidak terpakai jika mesyuarat agung tahunan ditangguhkan di bawah subperenggan 2(2).

(4) Jika mana-mana anggota berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang diadakan di bawah perenggan ini, anggota itu hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang mula-mula ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu kepada Setiausaha Badan Peguam Syarie secara bertulis.

**Kuorum mesyuarat agung tahunan**

2. (1) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung tahunan hendaklah empat kali bilangan anggota Majlis Peguam Syarie dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(2) Jika kuorum yang disebut dalam subperenggan (1) tidak hadir dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika anggota diberitahu selainnya oleh Majlis Peguam Syarie dalam notis yang memanggil mesyuarat yang asal, dan jika pada mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan itu kuorum tidak hadir dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat yang ditangguhkan itu, anggota yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

### **Mesyuarat Agung Luar Biasa**

3. (1) Majlis Peguam Syarie boleh mengadakan suatu mesyuarat agung Badan Peguam Syarie selain mesyuarat agung tahunan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis Peguam Syarie dan mesyuarat itu hendaklah dikenali sebagai mesyuarat agung luar biasa.

(2) Tidak kurang daripada satu per lima anggota Badan Peguam Syarie boleh pada bila-bila masa meminta diadakan suatu mesyuarat agung luar biasa dengan notis bertulis ditandatangani oleh mereka dan disampaikan kepada Presiden, Naib Presiden atau Setiausaha Badan Peguam Syarie.

(3) Notis bertulis itu hendaklah menyatakan perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat agung luar biasa yang dicadangkan itu.

(4) Majlis Peguam Syarie hendaklah, apabila menerima notis bertulis di bawah subperenggan (2), mengadakan suatu mesyuarat agung luar biasa dalam masa tiga puluh hari.

(5) Jika Majlis Peguam Syarie tidak mengadakan mesyuarat agung luar biasa sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperenggan (4), anggota yang meminta diadakan mesyuarat agung luar biasa itu boleh mengadakan mesyuarat agung luar biasa itu dalam masa enam puluh hari selepas penerimaan notis bertulis di bawah subperenggan (2).

(6) Jika mana-mana anggota Badan Peguam Syarie berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung luar biasa yang akan diadakan di bawah perenggan ini, anggota itu hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Badan Peguam Syarie notis usul secara bertulis dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu.

### **Kuorum mesyuarat agung luar biasa**

4. (1) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung luar biasa yang diadakan di bawah perenggan 3 hendaklah satu per tiga anggota Badan Peguam Syarie, dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung luar biasa melainkan jika cukup kuorum apabila mesyuarat itu meneruskan urusannya.

(2) Suatu mesyuarat agung luar biasa yang diadakan di bawah perenggan ini hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu.

### **Pengundian**

5. Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa Badan Peguam Syarie, tiap-tiap anggota yang hadir hendaklah mempunyai satu undi dan jika terdapat

bilangan undi yang sama banyak, pengerusi atau pemangku pengerusi mesyuarat itu hendaklah mempunyai suatu undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

## BAHAGIAN II

### MAJLIS PEGUAM SYARIE

#### **Mesyuarat Majlis Peguam Syarie**

6. Mesyuarat Majlis Peguam Syarie hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun pada bila-bila masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi atau Majlis Peguam Syarie.

#### **Kuorum**

7. Lima orang anggota yang hadir sendiri dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam Syarie membentuk suatu kuorum bagi menjalankan apa-apa urusan.

#### **Mengundi**

8. (1) Suatu keputusan majoriti anggota Majlis Peguam Syarie yang hadir dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam Syarie hendaklah disifatkan sebagai keputusan Majlis Peguam Syarie.

(2) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam Syarie sebagai tambahan kepada undi biasanya.

#### **Tatacara**

9. Majlis Peguam Syarie boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

#### **Perbelanjaan anggota**

10. Tiada fi boleh dibayar kepada mana-mana anggota Majlis Peguam Syarie tetapi seseorang anggota boleh dibayar ganti daripada kumpulan wang Badan Peguam Syarie bagi perbelanjaan perjalanan yang ditanggung olehnya berhubung dengan hal ehwal Badan Peguam Syarie.

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 64(1), 71(2), seksyen 72, 73, 74 dan 75]

KAWALAN HARTA, DOKUMEN, WANG, DSB., ANAK GUAM  
DALAM HAL TERTENTU

1. Majlis Peguam Syarie boleh menghendaki pengemukaan atau penyerahan segala surat ikatan, wasiat, dokumen yang menjadi atau menerangkan hak milik apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucer dan dokumen lain yang ada dalam milikan atau kawalan Peguam Syarie itu atau firmannya, rakan kongsi atau pekerjaanya atau yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang dia menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjaanya.
2. Pengemukaan dan penyerahan dokumen yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah dibuat kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie dan orang yang dilantik boleh mengambil milikan dokumen itu bagi pihak Majlis Peguam Syarie.
3. Mana-mana Peguam Syarie, rakan kongsi atau pekerjaanya yang tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah perenggan 1 dan 2, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.
4. Majlis Peguam Syarie boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim dalam kamar untuk membenarkan mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie untuk memasuki mana-mana premis dengan menggunakan apa-apa kekerasan yang semunasabahnya perlu untuk mencari, dan mengambil milik, dokumen yang disebut dalam perenggan 1.
5. Majlis Peguam Syarie hendaklah, setelah mengambil milik dokumen itu, menyampaikan kepada Peguam Syarie, rakan kongsi atau pekerjaanya atau mana-mana orang yang daripadanya dokumen itu diterima, atau yang daripada premisnya dokumen itu telah diambil menurut perintah yang dibuat di bawah perenggan 4, suatu notis memberikan butir-butir dan tarikh mengambil milikan dokumen itu.
6. Apa-apa kehendak atau notis di bawah Jadual ini hendaklah dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh orang yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie bagi maksud itu dan boleh disampaikan kepada mana-mana orang sama ada kepadanya sendiri atau dengan menghantarnya melalui surat berdaftar yang dialamatkan ke tempat perniagaan atau kediamannya yang terakhir diketahui.
7. Peguam Syarie atau orang lain yang kepadanya notis itu telah disampaikan boleh, dalam masa empat belas hari selepas penyampaian notis di bawah perenggan 5, memohon kepada hakim dalam kamar untuk mendapatkan suatu perintah mengarahkan Majlis Peguam Syarie untuk mengembalikan dokumen itu kepada orang yang daripadanya dokumen itu telah diterima, atau yang daripada premisnya dokumen itu telah diambil, mengikut mana-mana

yang berkenaan, oleh Majlis Peguam Syarie atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh pemohon itu, dan apabila mendengar mana-mana permohonan itu hakim dalam kamar itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah berkenaan dengan perkara itu.

8. Jika tiada permohonan dibuat di bawah perenggan 7 atau jika hakim dalam kamar yang kepadanya permohonan itu dibuat mengarahkan supaya dokumen itu terus berada dalam jagaan atau kawalan Majlis Peguam Syarie, hakim dalam kamar boleh membuat siasatan untuk menentukan kepada siapakah dokumen itu dipunyai dan boleh menguruskan dokumen itu mengikut arahan orang itu.

9. Majlis Peguam Syarie boleh, sebelum menguruskan dokumen itu, membuat salinan, atau cabutan daripada, mana-mana dokumen itu.

10. Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim dalam kamar boleh, atas permohonan Majlis Peguam Syarie, memerintahkan supaya tiada pembayaran boleh dibuat, tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim dalam kamar, oleh mana-mana jurubank atas nama Peguam Syarie atau firmannya.

11. Dalam apa-apa hal jika Majlis Peguam Syarie telah mengambil milikan dokumen di bawah perenggan 2, dan belum dikehendaki untuk mengembalikan dokumen itu di bawah perenggan 7, perenggan yang berikut hendaklah terpakai.

12. Majlis Peguam Syarie boleh, atas ketetapan, mengambil alih semua jumlah wang yang kena dibayar oleh Peguam Syarie atau oleh firmannya, atau yang dipegang olehnya atau firmannya bagi pihak, anak guamnya atau anak guam firmannya atau yang tertakluk pada apa-apa amanah yang Peguam Syarie itu merupakan pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjaanya dan bagi maksud itu Majlis Peguam Syarie hendaklah menyampaikan kepada Peguam Syarie atau firmannya, dan kepada mana-mana jurubank dan kepada mana-mana orang lain yang ada memiliki atau mengawal apa-apa jumlah wang itu suatu notis, berserta dengan suatu salinan ketetapan yang diperakui sah, melarang pembayaran daripada jumlah wang itu selain menurut perenggan 14 atau 15.

13. Peguam Syarie itu atau firmannya, atau jurubank atau orang lain yang kepadanya notis itu telah disampaikan boleh, dalam masa empat belas hari dari penyampaian notis di bawah perenggan 12, memohon kepada hakim dalam kamar bagi suatu perintah yang mengarahkan Majlis Peguam Syarie untuk menarik balik notis itu dan semasa pendengaran permohonan itu hakim dalam kamar itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah berkenaan dengan perkara itu.

14. Majlis Peguam Syarie itu atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie boleh, tertakluk pada penyampaian apa-apa notis di bawah perenggan 12, dan kepada apa-apa permohonan yang boleh dibuat di bawah perenggan 13, mengeluarkan wang atau apa-apa bahagian daripada wang, dalam mana-mana akaun bank atas nama Peguam Syarie itu atau firmannya yang kena dipegang bagi pihak anak guamnya, dan menandatangani wang itu ke dalam suatu akaun khas atas nama Majlis Peguam Syarie atau orang yang dilantik oleh

Majlis Peguam Syarie itu dan selainnya menguruskan, akaun khas yang mungkin telah dikendalikan oleh Peguam Syarie itu atau firmannya atau selainnya menguruskan, akaun bank itu.

15. Mana-mana jurubank yang dengannya apa-apa akaun khas itu disimpan tidak berkewajipan untuk menentukan bahawa akaun itu sedang dikendalikan atau selainnya sedang diuruskan.

16. (1) Majlis Peguam Syarie boleh, tertakluk pada perenggan 13 dan 15, menyampaikan suatu notis kepada Peguam Syarie atau firmannya, jurubank atau orang lain yang kepadanya suatu notis telah disampaikan di bawah perenggan 11, mengarahkan supaya, sebaik selepas tamat lapan hari dari penyampaian notis yang disebut dalam perenggan 5, apa-apa wang yang disebut dalam notis itu dipindah milik mengikut arahan Majlis Peguam Syarie.

(2) Walau apa pun subperenggan (1)—

- (a) tiada apa-apa arahan boleh diberikan oleh Majlis Peguam Syarie kecuali dengan kelulusan orang yang mempunyai wang itu, dalam hal suatu amanah pemegang amanah, dan, jika Peguam Syarie itu pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsi atau pekerjanya, orang yang berhak secara benefisial ke atas wang itu; dan
- (b) orang yang kepadanya notis yang disebut dalam perenggan 3 telah disampaikan tidak berkewajipan untuk menentukan sama ada kelulusan itu telah diperolehi.

(3) Dalam apa-apa hal jika Majlis Peguam Syarie tidak dapat menentukan orang yang mempunyai wang itu atau jika Majlis Peguam Syarie selainnya fikir suai manfaat untuk berbuat sedemikian, Majlis Peguam Syarie boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim dalam kamar untuk mendapatkan arahan tentang pemindahmilikan wang itu.

17. Jika mana-mana orang tidak mematuhi kehendak mana-mana notis yang diberikan di bawah perenggan 12 atau 13—

- (a) dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit; dan
- (b) Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim dalam kamar boleh, atas permohonan Majlis Peguam Syarie, memerintahkan orang itu untuk mematuhi kehendak notis itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

18. Tertakluk pada apa-apa perintah bagi pembayaran kos yang mungkin dibuat atas suatu permohonan di bawah Jadual ini, apa-apa kos yang ditanggung oleh Majlis Peguam Syarie bagi maksud Jadual ini hendaklah dibayar oleh Peguam Syarie itu dan boleh didapati daripadanya sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis Peguam Syarie.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 814****AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 285/2024	Perintah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan Jadual Kedua) 2024.	05-10-2024

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 814****AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Kedua	P.U. (A) 285/2024	05-10-2024

---